


# LAPORAN PASARAN HARTA

## Property Market Report

---

# 2019



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA**  
*VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT MALAYSIA*

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
*MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA*

**LAPORAN  
PASARAN HARTA  
2019**

***PROPERTY  
MARKET REPORT  
2019***

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

***VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT MALAYSIA  
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA***





## KANDUNGAN CONTENTS

### GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2019..... overview 1 AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN 2019

<b>Jadual</b>	I	Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia..... overview 33
<b>Table</b>		<i>Key Indicators of the Malaysian Economy</i>
	II	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga ..... overview 34
		<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>
	III	Nilai Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta) ..... overview 36
		<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>
	IV	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa ..... overview 38
		<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>
	V	Nilai Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta)..... overview 41
		<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>
	VI	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik ..... overview 44
		<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>
	VII	Nilai Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik (RM Juta) ..... overview 46
		<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>
	VIII	Penawaran Unit Kediaman di Malaysia..... overview 48
		<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>
	IX	Penawaran Unit Kedai di Malaysia..... overview 49
		<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>
	X	Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia ..... overview 50
		<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>
	XI	Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia..... overview 51
		<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>
	XII	Penawaran Unit SOHO di Malaysia ..... overview 52
		<i>Supply of SOHO Units in Malaysia</i>
	XIII	Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia..... overview 53
		<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>
	XIV	Penawaran Unit Industri di Malaysia..... overview 54
		<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>
	XV	Bilangan Bilik Hotel ..... overview 55
		<i>Number of Hotel Rooms</i>
	XVI	Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia ..... overview 56
		<i>Number &amp; Sales Performance of New Launches and Number &amp; Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>
	XVII	Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia..... overview 57
		<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>
	XVIII	Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia ..... overview 58
		<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>
	XIX	Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia ..... overview 59
		<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>
	XX	Bilangan Unit Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia..... overview 60
		<i>Number of Unsold Serviced Apartment Units in Malaysia</i>
<b>Carta</b>	I	Jumlah dan Peratus Pecahan Transaksi Harta Tanah Mengikut Subsektor..... overview 61
<b>Chart</b>		<i>Total and Percentage Share of Properties Transacted by Sub-sector</i>
	II	Bilangan Harta Dipindah Milik dan Peratus Perubahan ..... overview 62
		<i>Number of Properties Transacted and Percentage Change</i>
	III	Nilai Harta Dipindah Milik dan Peratus Perubahan ..... overview 63
		<i>Value of Properties Transacted and Percentage Change</i>

**TEKS NEGERI**  
**STATE TEXT**

1	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.....	1
2	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.....	15
3	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.....	21
4	SELANGOR DARUL EHSAN.....	27
5	JOHOR DARUL TA'ZIM.....	41
6	PULAU PINANG.....	57
7	PERAK DARUL RIDZUAN.....	69
8	NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.....	79
9	MELAKA.....	89
10	KEDAH DARUL AMAN.....	97
11	PAHANG DARUL MAKMUR.....	105
12	TERENGGANU DARUL IMAN.....	117
13	KELANTAN DARUL NAIM.....	127
14	PERLIS.....	137
15	SABAH.....	145
16	SARAWAK.....	153
	Catatan Teknikal.....	161
	<i>Technical Notes</i>	

## GLOSARI GLOSSARY

% Pecahan	: % Breakdown
% Perubahan	: % Change
“Purata” Semua Rumah	: “Average” All Houses
Ambilan Ruang	: Take-up Space
Bandar	: Town
Berkembar	: Semi-Detached
Bilangan	: Number
Bilangan Transaksi	: Number Of Transactions
Bilangan Unit	: Number Of Units
Blok Pejabat/Lot Pejabat	: Office Block/Office Lot
Durian	: Durian
Dusun	: Orchard
Fasa	: Phase
Getah	: Rubber
Harga Purata	: Average Price
Hektar	: Hectare
Indeks Harga Semua Rumah	: All House Price Index
Indeks Keyakinan Perniagaan	: Business Condition Index
Industri	: Industrial
Jenis	: Type
Juta	: Million
Kadar Ambilan	: Take-Up Rate
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	: Base Lending Rate (BLR)
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	: Overnight Policy Rate (OPR)
Kadar Penghunan Purata (pejabat/kompleks perniagaan)	: Average Occupancy Rate (office/shopping complex)
Kadar Penginapan Purata (hotel)	: Average Occupancy Rate (hotel)
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	: Average Lending Rate (ALR)
Kadar Pulangan Kasar Purata	: Average Gross Yield
Kadar Serapan	: Absorption Rate
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	: Central Town Secondary Area
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	: Suburban Secondary Area
Kawasan Utama Pusat Bandar	: Central Town Prime Area
Kawasan Utama Pinggir Bandar	: Suburban Prime Area
Kedai	: Shop
Kedai Industri	: Industrial Shop
Kedai Sebelum Perang	: Pre-war Shop
Kedai Tanpa Inap	: Lock-up Shop
Kediaman	: Residential
Kedudukan/lokasi	: Location
Kelapa	: Coconut

Kelapa Sawit	: <i>Oil Palm</i>
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	: <i>Gross Domestic Product (GDP)</i>
Kilang Berkembar/Gudang	: <i>Semi-Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Sesebuah/Gudang	: <i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	: <i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	: <i>Cocoa</i>
Kompleks	: <i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	: <i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	: <i>Shopping Complex</i>
Kondominium	: <i>Condominium</i>
Kopi	: <i>Coffee</i>
Ladang	: <i>Estate</i>
Lingkungan Harga	: <i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	: <i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	: <i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	: <i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	: <i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	: <i>s.m. (Square Meter)</i>
vi Nilai	: <i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	: <i>Value of Transactions</i>
Padi	: <i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	: <i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	: <i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	: <i>Lease</i>
Pangsapuri	: <i>Apartment</i>
Paras Ambang	: <i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	: <i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	: <i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	: <i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	: <i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baru Dirancang	: <i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	: <i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	: <i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	: <i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	: <i>Commercial</i>
Pertanian	: <i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	: <i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	: <i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	: <i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	: <i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	: <i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	: <i>Sales Performance</i>

Rumah Bandar	:	<i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	:	<i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	:	<i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	:	<i>Low-Cost Flat</i>
Saiz Sampel	:	<i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	:	<i>Vegetable</i>
Sesebuah	:	<i>Detached</i>
Sewa	:	<i>Rent</i>
Sewaan	:	<i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	<i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	<i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	:	<i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	:	<i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	:	<i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	:	<i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	:	<i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	:	<i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	:	<i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	:	<i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	:	<i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	:	<i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	:	<i>Tariff</i>
Tembakau	:	<i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	:	<i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	<i>Preceeding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	<i>Corresponding Period</i>
Teres	:	<i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster</i>
Tidak Didefinisikan (ND)	:	<i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	<i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	:	<i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	:	<i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	:	<i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	:	<i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	:	<i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	:	<i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	:	<i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	<i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	:	<i>Starts</i>
Siap Dibina	:	<i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	:	<i>Overhang</i>



# **GAMBARAN KESELURUHAN *OVERVIEW***





## 1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia berkembang 3.6% pada Q4 2019, mengheret pertumbuhan tahunan KDNK kepada 4.3%. (2018: 4.7%). Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh, dalam keadaan terdapat gangguan bekalan di sektor komoditi. Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia (IPI) bagi tahun 2019 mencatatkan pertumbuhan 2.4% berbanding 2018. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan sektor perkilangan dan elektrik masing-masing sebanyak 3.6% dan 3.3%. Penurunan prestasi sektor pertanian pada Q4 2019 disebabkan terutamanya oleh penurunan kelapa sawit, -16.9% (Q3 2019: 8.4%) dan perhutanan & pembalakan, -14.15% (Q3 2019: -12.3%). Walau bagaimanapun, ternakan dan pertanian lain mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik masing-masing sebanyak 7.6% dan 5.2%.

Year	2018	Q1 18	Q2 18	Q3 18	Q4 18	2019	Q1 19	Q2 19	Q3 19	Q4 19
GDP	4.7	5.3	4.5	4.4	4.7	4.3	4.5	4.9	4.4	3.6

Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia meningkat kepada RM32.76 bilion pada 2019 berbanding RM32.65 bilion pada 2018. FDI disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, pembinaan dan pembuatan, terutamanya dari Singapura, Ireland dan Hong Kong. Nilai kerja pembinaan dibuat untuk 2019 berjumlah RM146.4 bilion, meningkat sebanyak 0.6% berbanding RM145.5 bilion pada tahun 2018.

Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Indeks Sentimen Pengguna (CSI) dan Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) masing-masing mencatat 88.3 mata (Q4 2019) dan 82.4 mata (Q4 2019), di bawah ambang 100 mata. Walaupun kedua-dua petunjuk rendah, pasaran harta tanah terus berdaya tahan dengan peningkatan kecil dalam bilangan dan nilai transaksi.

Walaupun terdapat tekanan ekonomi, industri pelancongan negara mencatat pertumbuhan ketibaan pelancong antarabangsa yang positif sebanyak 3.7% bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini (Januari-September 2019), mencatatkan sejumlah 20.1 juta ketibaan pelancong antarabangsa berbanding 19.4 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, kaji selidik penghunian hotel dalaman merekodkan penurunan sebanyak -4.71% kepada 60.8% bagi sembilan bulan pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018 pada 65.51%. Senario ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam inventori bilik hotel terutamanya di bandar-bandar utama disamping peningkatan penginapan jangka pendek (STA) seperti Airbnb.

## 1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

*The Malaysian economy expanded by 3.6% in Q4 2019, dragging the full-year GDP growth to 4.3%. (2018: 4.7%). Growth was underpinned by stronger private sector expenditure, amid supply disruptions in the commodities sector. The Malaysia's Industrial Production Index (IPI) for the year of 2019 recorded a growth of 2.4% as compared to 2018. The increase was contributed by the growth in manufacturing and electricity sector which were 3.6% and 3.3% respectively. The decline in agriculture sector performance in Q4 2019 was mainly due to the decrease in oil palm, -16.9% (Q3 2019: 8.4%) and forestry & logging, -14.15% (Q3 2019: -12.3%). Nevertheless, livestock and other agriculture recorded a better growth of 7.6% and 5.2% respectively.*

*Foreign Direct Investment (FDI) into Malaysia increased to RM32.76 billion in 2019 as compared to RM32.65 billion in 2018. The FDI was channelled mainly into services, construction and manufacturing sectors, particularly from Singapore, Ireland and Hong Kong. The value of construction work done for 2019 amounted to RM146.4 billion, grew by 0.6% as compared to RM145.5 billion in 2018.*

*According to Malaysian Institute of Economic Research (MIER), the Consumer Sentiments Index (CSI) and Business Condition Index (BCI) were recorded at 88.3 points (Q4 2019) and 82.4 points (Q4 2019) respectively, below the 100-point threshold. Despite the low note in both indicators, the property market remained resilient with a marginal increase in volume and value of transactions.*

*Despite economic headwinds, the nation's tourism industry recorded a positive international tourist arrivals growth of 3.7% for the first nine months of this year (January -September 2019), registering a total of 20.1 million international tourist arrivals compared to 19.4 million in the same period last year. Nevertheless, internal hotel occupancy survey recorded a drop of -4.71% to 60.8% for the first nine months of the year compared to the same period in 2018 at 65.51%. This scenario is mainly attributed to the increase in hotel room inventory especially in major cities coupled with the rise of short-term accommodations (STA) like Airbnb.*

Dalam segmen harta tanah, terdapat beberapa tanda positif dalam prestasi pasaran harta tanah. Pelbagai insentif oleh kerajaan masih menyokong sektor ini, antaranya :

1. Insentif Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dari 1 Jan 2019 hingga 31 Dis 2019. Kempen ini direka untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia dan mengurangkan bilangan rumah tidak terjual.
2. Untuk pembeli rumah kali pertama terdapat dua tahun (dari 1 Jan 2019 hingga 31 Dis 2020) Pengecualian Duti Setem ke atas instrumen pindahmilik untuk rumah berharga sehingga RM300,000, terpakai bagi kedua-dua pembelian sama ada secara langsung dari pemaju perumahan atau dari pasaran sekunder. Mulai 1 Julai 2019, insentif ini diperluaskan kepada rumah berharga sehingga RM500,000 di mana pengecualian terhad kepada RM300,000 pertama harga rumah.
3. Peruntukkan RM1.5 bilion untuk membina rumah mampu milik.
4. Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dilancarkan pada awal tahun 2019, menyasarkan untuk membina satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun untuk kumpulan B40 dan bertujuan untuk menyelesaikan masalah ketidakcocokan permintaan dan penawaran.
5. Dana untuk Rumah Mampu Milik - Bank Negara Malaysia menyediakan pembiayaan harta tanah sebanyak RM1 bilion untuk membantu pembeli rumah kali pertama membeli rumah mampu milik sehingga RM150,000 pada kadar faedah yang lebih rendah sebanyak 3.5%. Mulai September 2019, program dana disemak semula untuk memasukkan pendapatan isi rumah bulanan maksimum yang lebih tinggi sebanyak RM4,360 (sebelum ini RM2,300) dan harga harta tanah maksimum dinaikkan ke RM300,000 (sebelumnya RM150,000). Dana ini tersedia selama dua tahun dari Januari 2019 atau sehingga ia digunakan sepenuhnya.
6. Skim Perumahan Belia oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) - menyediakan jaminan pinjaman perumahan melalui Cagamas bagi membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan lebih tinggi dan bantuan kewangan bulanan RM200 untuk 2 tahun pertama.
7. Pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 5 Mei 2019.

*In the property segment, there appear to be some positive signs in the property market performance. Various incentives by the government remained supportive of this sector, among others:*

1. *Home Ownership Campaign (HOC) that ran from 1st January 2019 to 31st December 2019 is aimed at increasing home ownership among Malaysians and reducing the number of unsold houses.*
2. *For the first-time homebuyers, there is a two-year (from 1 Jan 2019 to 31 Dec 2020) Stamp Duty exemption on instrument of transfer for houses priced up to RM300,000, applicable to both purchases either direct from housing developer or from the secondary market. Starting from 1 July 2019, the incentive was extended to houses priced up to RM500,000 where exemption is limited to the first RM300,000 of the house's price.*
3. *Allocation of RM1.5 billion for the construction of affordable homes.*
4. *National Housing Policy 2018–2025 launched in early 2019, targets to build one million affordable homes within 10 years for B40 groups and aims to solve the demand and supply mismatch problem.*
5. *Fund for Affordable Home – Bank Negara Malaysia to provide RM1 billion property funding to help first time home buyers to purchase affordable home of up to RM150,000 at a lower interest rate of 3.5%. From Sept. 2019, the fund programme was revised to include a higher maximum monthly household income of RM4,360 (previously at RM2,300) and an increased maximum property price of RM300,000 (previously at RM150,000). The fund is available for two years from January 2019 or until it is fully utilised.*
6. *Youth Housing Scheme by Bank Simpanan Nasional (BSN) - to provide home loan guarantees via Cagamas to enable borrowers to obtain higher financing and RM200 monthly financial assistance for the first 2 years.*
7. *The reduction in the Overnight Policy Rate (OPR) by 25 basis points to 3.00% on 5th May 2019.*

Beberapa langkah juga diperkenalkan iaitu pengenaan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) mengenai pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat pemegang harta pada tahun ke-6 dan seterusnya. Kadar ini meningkat dari 5% ke 10% untuk syarikat/ warga asing dan dari 0% ke 5% untuk individu Malaysia dan Penduduk Tetap. Satu lagi ialah kenaikan kadar Duti Setem untuk pindahmilik harta tanah bernilai melebihi RM1 juta, meningkat dari 3% ke 4%.

Dari segi permintaan, jumlah permohonan pinjaman dan jumlah kelulusan pinjaman untuk pembelian harta kediaman pada tahun 2019 masing-masing meningkat 8.3% dan 8.6%. Bagi harta bukan kediaman, jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat sebanyak 0.6% dan 4.0%. Nisbah kelulusan pinjaman terhadap permohonan pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman dan bukan kediaman berada pada 43.2% dan 37.5% pada 2019 berbanding 43.1% dan 36.3% pada tahun 2018.

Several measures were also introduced namely the imposition of the Real Property Gains Tax (RPGT) on the disposal of properties or shares in property-holding companies in the 6th year onwards. The rate was increased from 5% to 10% for companies/foreigners and from 0% to 5% for Malaysian individuals and Permanent Resident. Another is the raise in the Stamp Duty rate for transaction of properties value above RM1 million, up from 3% to 4%.

On the demand-side, the amount of loan application and total loan approval for the purchase of residential property in 2019 increased by 8.3% and 8.6% respectively. For the non-residential property, the amount of loan application and total loan approval increased by 0.6% and 4.0% respectively. The ratio of loans approvals against loans applications for the purchase of residential property and non-residential property stood at 43.2% and 37.5% in 2019 versus 43.1% and 36.3% in 2018.

Table 2

## Loan Application and Loan Approval for Purchase of Residential

Purchase of Residential (RM Billion)					
Year	Loan Application	Loan Approval	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2011	186.79	95.16	12.2	13.0	50.9
2012	193.74	92.83	3.7	-2.4	47.9
2013	245.90	121.00	26.9	30.3	49.2
2014	223.85	121.09	-9.0	0.1	54.1
2015	206.03	103.41	-8.0	-14.6	50.2
2016	208.55	87.57	1.2	-15.3	42.0
2017	239.81	101.52	15.0	15.9	42.3
2018	240.9	103.7	0.4	-4.7	43.1
<b>2019</b>	<b>260.77</b>	<b>112.57</b>	<b>8.3</b>	<b>8.6</b>	<b>43.2</b>

Source: Bank Negara Malaysia

Table 3

## Loan Application and Loan Approval for Purchase of Non-Residential

Purchase of Non-Residential (RM Billion)					
Year	Loan Application	Loan Approval	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2011	99.32	52.23	24.4	31.7	52.6
2012	98.89	52.77	-0.4	1.0	53.4
2013	119.23	51.36	20.6	-2.7	43.1
2014	103.39	50.94	-13.3	-0.8	49.3
2015	90.98	38.41	-12.0	-24.6	42.2
2016	79.94	32.91	-12.1	-14.3	41.2
2017	86.04	31.12	7.6	-5.4	36.2
2018	96.93	35.15	12.7	4.6	36.3
<b>2019</b>	<b>97.52</b>	<b>36.54</b>	<b>0.6</b>	<b>4.0</b>	<b>37.5</b>

Source: Bank Negara Malaysia

## 2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Prestasi pasaran harta tanah mencatat peningkatan kecil pada 2019 berbanding 2018. Pada tahun 2019, sejumlah 328,647 transaksi bernilai RM141.40 bilion dicatatkan, menunjukkan kenaikan 4.8% dalam bilangan dan 0.8% dalam nilai berbanding 2018, yang mencatatkan 313,710 transaksi bernilai RM140.33 bilion.

Prestasi aktiviti pasaran sektoral meningkat sedikit: kediaman (6.0%), komersial (7.2%), perindustrian (3.8%) dan pertanian (2.0%) dengan pengecualian subsektor tanah pembangunan, penurunan sedikit -1.2%. Dari segi nilai transaksi, subsektor kediaman merekodkan pertumbuhan sebanyak 5.3%, manakala subsektor komersial, perindustrian, pertanian dan tanah pembangunan mencatatkan sebaliknya, masing-masing menurun sebanyak -1.8%, -1.1%, -4.4% dan -9.1% .

Subsektor kediaman menerajui pasaran harta tanah keseluruhan, dengan sumbangan 63.7%. Ini diikuti oleh subsektor pertanian (20.9%), komersial (7.8%), tanah pembangunan (5.7%) dan industri (1.9%). Dari segi nilai, kediaman memimpin dengan syer 51.2%, diikuti oleh komersial (20.5%), industri (10.5%), tanah pembangunan (9.0%) dan pertanian (8.8%).

## 2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY


The property market performance recorded a slight improvement with a marginal increase in 2019. A total of 328,647 transactions worth RM141.40 billion were recorded, showing an increase of 4.8% in volume and 0.8% in value compared to 2018, which recorded 313,710 transactions worth RM140.33 billion.

Sectoral market activity performance improved marginally: residential (6.0%), commercial (7.2%), industrial (3.8%) and agriculture (2.0%) with the exception of development land sub-sector, which declined slightly by 1.2%. In terms of value of transactions, residential sub-sector recorded a 5.3% growth, whereas commercial, industrial, agriculture and development land sub-sectors recorded otherwise, decreased by -1.8%, -1.1%, -4.4% and -9.1% respectively.

The residential sub-sector led the overall property market, with 63.7% contribution. This was followed by agriculture sub-sector (20.9%), commercial (7.8%), development land (5.7%) and industrial (1.9%). In terms of value, residential took the lead with 51.2% share, followed by commercial (20.5%), industrial (10.5%), development land (9.0%) and agriculture (8.8%).


Chart 1

Overall Volume of Transactions 2015 – 2019




**Chart 2**

**Overall Value of Transactions 2015 - 2019**




**Chart 3**

**Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2019**



**Chart 4**

**Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2019**



## 2.1 Harta Tanah Kediaman

### Transaksi

Terdapat 209,295 transaksi bernilai RM72.41 bilion dicatatkan dalam tempoh kajian, meningkat sebanyak 6.0% dalam bilangan dan 5.3% dalam nilai berbanding dengan 2018 (197,386 transaksi bernilai RM68.75 bilion). Prestasi di seluruh negara bertambah baik dalam tempoh kajian. Semua negeri mencatatkan bilangan pasaran yang lebih tinggi kecuali Negeri Sembilan dan Perak. Arah aliran menaik di negeri-negeri utama iaitu Kuala Lumpur (1.1%), Selangor (8.9%), Johor (7.5%) dan Pulau Pinang (1.3%) membawa kepada peningkatan keseluruhan dalam subsektor. Empat negeri utama ini membentuk 50% daripada jumlah bilangan kediaman negara.

## 2.1 Residential Property



### Transaction

*There were 209,295 transactions worth RM72.41 billion recorded in the review period, increased by 6.0% in volume and 5.3% in value as compared with 2018 (197,385 transactions worth RM68.75 billion). Performance across the states improved in the review period. All states recorded higher market volume except for Negeri Sembilan and Perak. The uptrend in major states namely Kuala Lumpur (1.1%), Selangor (8.9%), Johor (7.5%) and Pulau Pinang (1.3%) supported the overall increase in the sub-sector. These four major states formed 50% of the total national residential volume.*



Mengikut jenis, tumpuan permintaan ke atas rumah teres, membentuk kira-kira 40% daripada jumlah keseluruhan, diikuti oleh harta tanah bertingkat tinggi lebih kurang 15% daripada jumlah bilangan transaksi. Mengikut julat harga, permintaan terus memberi tumpuan kepada RM300,000 dan ke bawah, membentuk 61.7% daripada transaksi kediaman, diikuti dengan RM300,000 hingga RM500,000 (21.3%), RM500,000 - RM1,000,000 (13.3%) dan lebih daripada RM1,000,000 (3.7%).

*By types, demand focus on terraced houses, formed around 40% of the total, followed by high-rise units around 15% of the total volume of transactions. By price range, demand continued to focus on RM300,000 and below, accounting for 61.7% of the residential transaction, followed by RM300,000 to RM500,000 (21.3%), RM500,000 – RM1,000,000 (13.3%) and more than RM1,000,000 (3.7%).*



### Pelancaran Baharu

Pasaran utama menyaksikan pelancaran baharu yang lebih rendah. Terdapat hampir 60,000 unit yang dilancarkan pada 2019, berbanding 66,040 unit pada 2018. Kemerosotan ini dijangka kerana pemaju menangguhkan pelancaran baharu disebabkan oleh pasaran harta tanah yang semakin lembap ketika cuba menghabiskan jualan stok yang belum dijual yang dibawa dari projek yang dilancarkan pada tahun sebelumnya.

### New Launches

*The primary market saw lesser release of new launches. There were nearly 60,000 units launched in 2019, against 66,040 units in 2018. The decline was expected as developers were holding back on the new launches due to the softening property market while trying to clear the unsold stock carried forward from the projects launched in the previous years.*

Prestasi jualan untuk pelancaran baharu dicatatkan pada 40.4%, sedikit lebih baik berbanding 2018 (34.6%). Peningkatan sedikit ini boleh dikaitkan dengan pelbagai insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah.


*Sales performance for new launches recorded at 40.4%, slightly better compared to 2018 (34.6%). The slight improvement could be attributed to the various incentives and assistance given by the government to promote home ownership.*

Selangor merekodkan bilangan pelancaran baharu yang tertinggi di negara ini, menguasai hampir 17% (9,970 unit) daripada jumlah nasional. Johor merekodkan tertinggi kedua (9,711 unit), dengan syer 16.2%. Perak menduduki tempat ketiga dengan 15.8% (9,504 unit) dan WPKL 14.8% (8,865 unit).

*Selangor recorded the highest number of new launches in the country, capturing nearly 17% (9,970 units) of the national total. Johor recorded the second highest (9,711 units), with 16.2% share. Perak came third with 15.8% (9,504 units) and WPKL 14.8% (8,865 units).*

Mengikut jenis, rumah teres menguasai pelancaran baharu. Teres satu tingkat (10,690 unit) dan 2-3 tingkat (18,809 unit) bersama menyumbang 49% daripada jumlah unit, diikuti unit kondominium / pangsapuri sebanyak 36% (21,325 unit).

*By property type, terraced houses dominated the new launches. Single storey (10,690 units) and 2-3 storey (18,809 units) together contributed 49% of the total units, followed by condominium/apartment units 36% (21,325 units).*



**Status Pasaran**

**Market Status**

Penurunan bilangan pelancaran baharu pada tahun 2019 dan prestasi jualan yang lebih baik menyebabkan penurunan bilangan kediaman siap dibina tidak terjual, dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual. Selepas empat tahun berturut-turut meningkat, unit siap dibina tidak terjual mencatatkan penurunan pada 2019. Terdapat 30,664 unit tidak terjual bernilai RM18.82 bilion, menurun sebanyak 5.1% dalam bilangan dan 5.2% dalam nilai berbanding 2018 (32,313 unit bernilai RM19.86 bilion).

*Fewer new launches in 2019 and better sales performance led to the decrease in residential overhang and unsold under construction and not constructed. After four consecutive years of increase, the overhang recorded a decline in 2019. There were 30,664 overhang units worth RM18.82 billion, decreased by 5.1% in volume and 5.2% in value against 2018 (32,313 units worth RM19.86 billion).*

Mengikut negeri, Johor mengekalkan bilangan dan nilai unit siap tidak terjual tertinggi di negara ini dengan 5,627 unit bernilai RM4.7 bilion, masing-masing membentuk 18.4% dan 25% daripada jumlah keseluruhan negara. Walau bagaimanapun, keadaan negeri ini bertambah

*By state, Johor retained the highest number and value of overhang in the country with 5,627 units worth RM4.7 billion, accounting to 18.4% and 25% respectively of the national total. Nevertheless, the state's overhang situation improved as the numbers*



baik kerana bilangan unit siap dibina tidak terjual menurun sebanyak 7.2% walaupun nilai meningkat sebanyak 2.1%. Perak menduduki tempat kedua dengan 5,024 unit bernilai RM1.52 bilion, diikuti oleh Selangor (4,687 unit bernilai RM3.75 bilion) dan Pulau Pinang (3,353 unit bernilai RM2.59 bilion). Bagi WPKL, walaupun hanya 2,605 unit dicatatkan, nilai unit siap dibina tidak terjual adalah ketiga tertinggi pada RM2.6 bilion.

reduced by 7.2% though value increased by 2.1%. Perak came second with 5,024 units worth RM1.52 billion, followed by Selangor (4,687 units worth RM3.75 billion) and Pulau Pinang (3,353 units worth RM2.59 billion). As for WPKL, though only 2,605 units were recorded, the overhang value was the third highest at RM2.6 billion.

Mengikut jenis, unit kondominium/pangsapuri membentuk 46.6% (14,276 unit) daripada jumlah bilangan siap dibina tidak terjual negara dan kebanyakannya berada dalam lingkungan harga antara RM200,000 - RM300,000 (3,863 unit). Rumah teres dua hingga tiga tingkat (8,591 unit) membentuk 28% daripada jumlah keseluruhan dan kebanyakannya berada dalam julat harga RM300,000 - RM400,000 (1,771 unit). Mengikut harga, rumah berharga RM300,000 - RM500,000 (7,883 unit) membentuk 25.7% manakala berharga melebihi RM500,000 (12,528 unit) membentuk 40.9% daripada jumlah kediaman siap dibina tidak terjual.

By type, condominium/apartment units formed 46.6% (14,276 units) of the national's overhang and mostly were in the price range of RM200,000 – RM300,000 (3,863 units). Two to three storey terrace (8,591 units) formed another 28% of the total and mostly were in the price range of RM300,000 – RM400,000 (1,771 units). By price range, those priced RM300,000 to RM500,000 (7,883 units) formed 25.7% while priced above RM500,000 (12,528 units) formed 40.9% of the total residential overhang.

Unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual bertambah baik kerana bilangan berkenaan menurun ke 72,692 unit dan 16,774 unit, masing-masing turun sebanyak 10.2% dan 15.6%.

The unsold under construction and not constructed improved as the number dropped to 72,692 units and 16,774 units, down by 10.2% and 15.6% respectively.





Chart 9

Residential Overhang and Unsold Under Construction across the states 2019



**Aktiviti Pembinaan**


Aktiviti pembinaan kekal rendah kerana kediaman baru siap dibina, mula dibina dan penawaran baru dirancang merosot. Jumlah keseluruhan kediaman baru siap dibina merosot sebanyak 6.2% ke 87,731 unit (2018: 93,547 unit) walaupun Johor dan Pulau Pinang mencatatkan bilangan baru siap dibina yang lebih tinggi berbanding 2018. Kediaman mula dibina menurun sebanyak 17.3% ke 100,908 unit pada 2019 (2018: 122,065 unit) kerana kesemua negeri utama mengambil pendekatan penangguhan. Begitu juga, penawaran baru dirancang menurun sebanyak 15.2% ke 90,227 unit (2018: 106,345 unit). Walaubagaimanapun, Selangor, Johor dan Pulau Pinang merekodkan penawaran baru dirancang yang lebih tinggi, masing-masing meningkat sebanyak 0.5%, 2.8% dan 15.0%. Pada akhir tahun, terdapat 5.73 juta unit kediaman sedia ada dengan hampir 0.45 juta dalam penawaran akan datang dan 0.44 juta dalam penawaran yang dirancang.

**Construction Activity**

Construction activities remained on a low tone as completion, starts and new planned supply declined. Completions were down by 6.2% to 87,731 units (2018: 93,547 units) though Johor and Pulau Pinang recorded higher completion against 2018. Starts reduced by 17.3% to 100,908 units in 2019 (2018: 122,065 units) as all major states took a laid-back approach. Likewise, new planned supply dropped by 15.2% to 90,227 units (2018: 106,345 units). Nevertheless, Selangor, Johor and Pulau Pinang recorded higher new planned supply, increased by 0.5%, 2.8% and 15.0% respectively. As at year-end, there were 5.73 million existing residential units with nearly 0.45 million in the incoming supply and 0.44 million in the planned supply.

Chart 10

Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Pergerakan Harga

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) terus meningkat pada arah aliran sederhana. Indeks Harga Rumah Malaysia berada pada 197.5 mata (pada tahun asas 2010), meningkat sebanyak 1.9% (3.8 mata) setiap tahun (2018: 193.7 mata). Pertumbuhan tahunan paling lemah yang dicatatkan sejak tahun 2010.

Semua negeri mencatat pertumbuhan tahunan yang positif kecuali Kuala Lumpur, menurun sebanyak 0.4% ke RM785,000 (2018: RM788,000). Selangor, Johor dan Pulau Pinang masing-masing menikmati pertumbuhan tahunan sederhana sebanyak 1.8%, 3.8% dan 1.9%. Mengikut jenis, rumah teres mengalami pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 3.0%.

## Price Movements

The Malaysian House Price Index (MHPI) continued to increase at a moderating trend. The Malaysian House Price Index stood at 197.5 points (at base year 2010), increased by 1.9% (3.8 points) on annual basis (2018: 193.7 points), the lowest annual growth recorded since year 2010.

All states recorded positive annual growth except for Kuala Lumpur, decreased by 0.4% to RM785,000 (2018: RM788,000). Selangor, Johor and Pulau Pinang enjoyed moderate annual growth at 1.8%, 3.8% and 1.9% respectively. By type, terraced houses commanded the highest annual growth of 3.0%.

Chart 11

MHPI: Point and Annual Changes by Type 2010 – 2019





Chart 12

MHPI: Point and Annual Changes in Major States 2010 - 2019



## Sewa

Pasaran sewa secara amnya stabil dengan pergerakan menaik dicatatkan di kawasan tertentu dengan perhubungan yang cekap, bersebelahan dengan stesen LRT dan MRT serta yang terletak berhampiran institusi pengajian tinggi. Di Selangor, sewa umumnya stabil untuk teres dua tingkat di USJ 1 - USJ 20, dengan beberapa pergerakan menaik, dalam lingkungan antara RM1,200 hingga RM2,200 sebulan. Di Johor, sewa teres dua tingkat stabil, Taman Laguna dan Horizon Hills adalah antara sewa tertinggi yang dicatatkan, dari RM2,200 hingga RM3,000 sebulan.

### 2.2 Harta Tanah Komersial

#### Transaksi

Prestasi subsektor ini sederhana pada 2019. Terdapat 25,654 transaksi bernilai RM28.99 bilion dicatatkan, meningkat sebanyak 7.2% dalam bilangan tetapi nilai menurun sebanyak -1.8%. Semua negeri mencatatkan bilangan transaksi yang lebih tinggi kecuali WPKL, Negeri Sembilan dan Perlis. Sebaliknya, nilai transaksi komersial mencatatkan penurunan kerana separuh daripada negeri di negara ini mengalami penurunan.



## Rental

The rental market was generally stable with upward movements recorded in choice areas served with efficient connectivity, adjacent to LRT and MRT stations as well as those located nearby higher learning institutions. In Selangor, rental was generally stable for double storey terrace house in USJ 1 – USJ 20, with some upward movements, range from RM1,200 to RM2,200 per month. In Johor, rental of double storey terrace was stable, Taman Laguna and Horizon Hills were among the highest rental recorded, ranging from RM2,200 to RM3,000 per month.

### 2.2 Commercial Property

#### Transaction

The sub-sector performed moderately in 2019. There were 25,654 transactions worth RM28.99 billion recorded, up by 7.2% in volume but value declined by -1.8%. All states recorded higher market volume except for WPKL, Negeri Sembilan and Perlis. On the contrary, the total commercial transactions value recorded a decline as half the states in the country saw a decline.



## 2.2.1 Kedai

### Transaksi

Subsektor kedai mencatatkan 13,280 transaksi bernilai RM11.28 bilion, menguasai 51.8% daripada bilangan transaksi harta komersial dan 38.9% daripada jumlah nilai. Prestasi pasaran mencatatkan kenaikan 2.7% dalam bilangan (2018: 12,934 transaksi) dan 5.1% dalam nilai (2018: RM10.74 bilion).

Mengikut negeri, Selangor menyumbang bilangan dan nilai transaksi tertinggi dalam pasaran negara, dengan 18.9% dalam bilangan (2,514 transaksi) dan 29.3% dalam nilai transaksi (RM3.1 bilion); diikuti oleh Johor dengan 17.4% dalam bilangan (2,308 transaksi) dan 16.8% dalam nilai transaksi (RM1.7 bilion).

Mengikut jenis, kedai dua hingga dua setengah tingkat adalah yang paling aktif, menangkap 51.6% (6,852 transaksi) syer bilangan transaksi kedai. Bilangan transaksi tertinggi kedua ialah kedai tiga hingga tiga setengah tingkat, mencatat 28.2%.

### Status Pasaran

Subsektor kedai siap dibina tidak terjual terus meningkat, mencatatkan sejumlah 6,024 unit bernilai RM4.87 bilion, meningkat sebanyak 19.2% dalam bilangan dan 19.3% dalam nilai berbanding 2018. Walau bagaimanapun, Senario dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual bertambah baik, bilangan berkurangan ke 6,232 unit dan 336 unit, masing-masing turun sebanyak 13.8% dan 12.7%.

Mengikut negeri, Johor kekal sebagai negeri mempunyai bilangan kedai siap dibina tidak terjual yang paling tinggi dengan syer 21.4% (1,288 unit bernilai RM1.37 bilion) dan dalam pembinaan belum terjual dengan syer 35.2% (2,193 unit).

## 2.2.1 Shop

### Transaction

Shop sub-sector recorded 13,280 transactions worth RM11.28 billion, dominating 51.8% of the commercial property transactions and 38.9% of the total value. Market performance recorded an increase of 2.7% in volume (2018: 12,934 transactions) and 5.1% in value (2018: RM10.74 billion).

By state, Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 18.9% in volume (2,514 transactions) and 29.3% in value (RM3.1 billion); followed by Johor with 17.4% in volume (2,308 transactions) and 16.8% in value (RM1.7 billion).

By type, two to two and a-half storey shops were the most active, capturing 51.6% (6,852 transactions) of the shops' market share. The second highest volume of transactions were three to three and a-half storey shops, registering 28.2%.


### Market Status

Shop sub-sector overhang continued to increase, recording a total of 6,024 units with a value of RM4.87 billion, up by 19.2% in volume and 19.3% in value against 2018. The unsold under construction and not constructed scenario however, improved with volume declined to 6,232 units and 336 units, down by 13.8% and 12.7% respectively.

By state, Johor retained its reign as the highest shop overhang state with 21.4% share (1,288 units worth RM1.37 billion) and the unsold under construction with 35.2% share (2,193 units).

Chart 15

Shop Market Status Trend 2015 – 2019



## Aktiviti Pembinaan


Di peringkat penawaran, aktiviti pembinaan terus perlahan sebagaimana yang ditunjukkan oleh penurunan dalam baru siap dibina, mula dibina dan penawaran baru dirancang, masing-masing menurun sebanyak 17.6% (7,023 unit), 27.9% (5,080 unit) dan 39.3% (3,856 unit). Pada akhir tahun, terdapat lebih 526,000 kedai sedia ada dengan hampir 37,400 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 35,200 unit dalam penawaran yang dirancang.

## Construction Activity

On the supply front, construction activity continued to be slow as indicated by the contraction in completions, starts and new planned supply, each down by 17.6% (7,023 units), 27.9% (5,080 units) and 39.3% (3,856 units) respectively. As at year-end, there were slightly more 526,000 existing shops with almost 37,400 units in the incoming supply and nearly 35,200 units in the planned supply.

Chart 16

Shops Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Harga

Secara keseluruhan harga kedai menyaksikan prestasi bercampur. Di Kuala Lumpur, kedai dua tingkat di Lucky Garden dan Taman Bangsar masing-masing dipindahkan pada RM4.2 juta dan RM5.5 juta. Kedai yang sama di Taman Midah menyaksikan penurunan harga, menurun sebanyak 5.4% pada julat harga RM1,680,000 - RM2,000,000. Kedai tiga tingkat di Taman Tun Dr Ismail mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 5.0% pada julat harga RM4.1 juta - RM5.05 juta. Di Selangor, kedai dua tingkat di Denai Alam mencatatkan pertumbuhan dua angka, pada julat harga RM2.0 juta - RM2.1 juta. Di Johor Bahru, kedai dua tingkat di Taman Johor Jaya (Jalan Dedap), (Jalan Bakawali) dan (Jalan Rosmerah) masing-masing dipindahkan pada harga RM1.35 juta, RM630,000 - RM800,000 dan RM755,000 - RM920,000, meningkat sebanyak 4.2%, 7.5% dan 10.3%.

## Sewa

Sewa kedai di tingkat bawah secara umumnya stabil. Di Kuala Lumpur, sewa kekal tinggi di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada RM17,000 - RM33,000 sebulan manakala di Changkat Bukit Bintang dalam lingkungan RM22,000 -

## Price

Prices of shops witnessed mixed performance across the board. In Kuala Lumpur, two storey shops in Lucky Garden and Bangsar Park were transacted at RM4.2 million and RM5.5 million respectively. Similar shops in Taman Midah saw prices softening, declined by 5.4% at a price range of RM1,680,000 - RM2,000,000. Three storey shops in Taman Tun Dr Ismail recorded marginal increase by 5.0% at a price range of RM4.1 million - RM5.05 million. In Selangor, double storey shops located in Denai Alam recorded double-digit growth, at a price range of RM2.0 million - RM2.1 million. In Johor Bahru, double storey shops in Taman Johor Jaya (Jalan Dedap), (Jalan Bakawali) and (Jalan Rosmerah) were transacted at RM1.35 million, RM630,000 - RM800,000 and RM755,000 - RM920,000, increased by 4.2%, 7.5% and 10.3% respectively.

## Rental

The ground floor shops' rentals were generally stable. In Kuala Lumpur, rentals remained high in Jalan Tuanku Abdul Rahman at RM17,000 to RM33,000 per month whilst in Changkat Bukit Bintang ranged from



RM30,000 sebulan, meningkat sebanyak 10.6%. Di Selangor, sewa adalah agak stabil dengan pertumbuhan marginal yang dicatatkan di Seksyen 7 dan Seksyen 9 Shah Alam pada 5% hingga 6% dengan sewa bulanan antara RM4,000 dan RM7,500. Di Johor Bahru, kedai-kedai di tingkat bawah di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Station memperoleh sewa tinggi pada RM6,900 - RM12,000 sebulan.

## 2.2.2 Pangsapuri Khidmat

### Transaksi

Subsektor Pangsapuri khidmat mencatatkan 4,180 transaksi bernilai RM2.89 bilion, membentuk 16.3% daripada jumlah transaksi harta komersial dan 10.0% daripada jumlah nilai. Prestasi pasaran mencatatkan peningkatan transaksi sebanyak 17.6% (2018: 3,553 transaksi) dalam bilangan dan 3.0% (2018: RM2.80 bilion) dalam nilai. Mengikut negeri, WPKL dan Selangor menyumbang jumlah pasaran negara yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan syer pasaran sebanyak 48.5% (2,029 transaksi) dan 30.7% (1,285 transaksi).

### Status Pasaran

Pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual terus meningkat dan membentuk sebahagian besar daripada harta tanah yang tidak terjual, merekodkan sejumlah 17,142 unit dengan nilai RM15.04 bilion, meningkat 50.8% dalam bilangan dan 64.2% dalam nilai berbanding 2018. Sebaliknya, senario bertambah baik bagi yang dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual kerana masing-masing berkurangan ke 33,827 unit dan 7,659 unit, turun sebanyak 9.3% dan 40.5%.

Mengikut negeri, Johor mengekalkan kedudukannya sebagai negeri mempunyai pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual yang paling tinggi dengan syer 71.2% dalam bilangan (12,207 unit) dan 76.9% dalam nilai (RM11.56 bilion). Kebanyakan unit siap dibina tidak terjual ini terletak di daerah Johor Bahru, mencatatkan 99.2% daripada jumlah tidak terjual negeri (12,105 unit bernilai RM11.5 bilion). Johor juga menguasai syer 34.0% (11,490 unit) daripada jumlah unit dalam pembinaan belum terjual negara.

Mengikut harga, unit melebihi RM1 juta membentuk 37.4% daripada jumlah siap dibina tidak terjual, 20.3% daripada jumlah keseluruhan yang dalam pembinaan belum terjual dan 19.5% daripada jumlah yang belum dibina belum terjual. Untuk yang belum dibina belum terjual, unit dalam julat harga sebanyak RM300,000 - RM400,000 membentuk 33.0% daripada jumlah keseluruhan.

*RM22,000 to RM30,000 per month increased by 10.6%. In Selangor, rentals were fairly stable with a marginal growth noted in Seksyen 7 and Seksyen 9 Shah Alam at 5% to 6% with monthly rental between RM4,000 and RM7,500. In Johor Bahru, ground floor shops at Jalan Wong Ah Fook and Jalan Station fetched high rental at RM6,900 – RM12,000 per month.*

## 2.2.2 Serviced Apartment

### Transaction

*Serviced apartment sub-sector recorded 4,180 transactions worth RM2.89 billion, formed 16.3% of the commercial property transactions volume and 10.0% of the total value. Market performance recorded an increase of 17.6% in volume (2018: 3,553 transactions) and 3.0% in value (2018: RM2.80 billion) of transactions. By state, WPKL and Selangor contributed higher national market volume to the national total, each with 48.5% (2,029 transactions) and 30.7% (1,285 transactions) market share.*

### Market Status

*Serviced apartment sub-sector overhang continued to increase and forming the bulk of the property overhang, recording a total of 17,142 units with a value of RM15.04 billion, up by 50.8% in volume and 64.2% in value against 2018. On the contrary, the unsold under construction and not constructed improved with volume declined to 33,827 units and 7,659 units, down by 9.3% and 40.5% respectively.*

*By state, Johor retained its reign as the highest serviced apartment overhang state with 71.2% share in volume (12,207 units) and 76.9% share in value (RM11.56 billion). Majority of these overhang units is in Johor Bahru district, accounting for 99.2% of the state's overhang (12,105 units worth RM11.5 billion). The state also held 34.0% share (11,490 units) of the country's unsold under construction.*

*By price, units above RM1 million formed 37.4% of the total overhang, 20.3% of the total unsold under construction and 19.5% of the total unsold not constructed. For unsold not constructed, units in the price range of RM300,000 – RM400,000 formed 33.0% of the total.*

Chart 17

## Serviced Apartment Market Status





Chart 18

## Serviced Apartment Overhang and Unsold Under Construction in Major States 2019



### Aktiviti Pembinaan

Di peringkat penawaran, aktiviti pembinaan terus aktif seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan yang ketara dalam baru siap dibina dan mula dibina, masing-masing meningkat sebanyak 33.0% (41,452 unit) dan 31.6% (33,853 unit), manakala penawaran baru dirancang menurun hampir 30% ke 38,362 unit. Pada akhir tahun, terdapat 0.25 juta unit pangsapuri khidmat sedia ada dengan hampir 0.12 juta dalam penawaran akan datang dan 0.18 juta dalam penawaran yang dirancang.


### Construction Activity

*On the supply front, construction activity continued to be active as indicated by the significant increase in completion and starts, each up by 33.0% (41,452 units) and 31.6% (33,853 units) respectively, whereas new planned supply dropped by nearly 30% to 38,362 unit. As at year-end, there were 0.25 million existing serviced apartments units with nearly 0.12 million in the incoming supply and 0.18 million in the planned supply.*



Chart 19

Serviced Apartment Construction Activity Trend 2015 – 2019



### Harga

Harga pangsapuri khidmat menunjukkan trend yang lebih stabil di seluruh negeri dengan trend menurun disaksikan di lokasi tertentu. Di WPKL, harga pangsapuri khidmat di pasaran sekunder secara amnya berada dalam trend menurun kerana lebih banyak unit baru siap dibina masuk ke pasaran. Pangsapuri khidmat berharga lebih dari RM1 juta seperti Laman Ceylon, Hampshire Residences, Pavilion Residences dan Platinum Suites menurun sebanyak 5% - 14%.

### Price

Prices of serviced apartments showed a more stable trend across the states with downward trend witnessed in certain locations. In WPKL, prices of secondary market serviced apartment were generally on a downward trend as more newly completed units came onto market. Serviced apartment priced at above RM1 million such as Laman Ceylon, Hampshire Residences, Pavilion Residences and Platinum Suites contracted by 5% to 14%.

### Sewa

Pasaran sewa secara amnya stabil dalam negeri utama dengan pergerakan menaik yang dicatatkan di lokasi yang diminati. Di Selangor, Pangsapuri khidmat di Oasis Damansara dan Plaza Azalea mencatat pertumbuhan sewa dua digit. Purata kadar pulangan kasar di seluruh negara adalah dalam lingkungan 3% hingga 6%.

### Rental

The rental market was generally stable in major sates with upward movements recorded in favourable locations. In Selangor, serviced apartment at Oasis Damansara and Plaza Azalea recorded double-digit rental growth. Average gross rental yield across the states were in the range of 3% to 6%.

Kerajaan Negeri telah merancang pembangunan untuk memastikan penggunaan tanah dimaksimumkan supaya ia dapat memberi kesan positif kepada rakyat Pulau Pinang. Oleh itu, kawasan pinggir pantai Weld Quay untuk bahagian Pulau dan Butterworth di Seberang Perai akan diubah menjadi tarikan baharu Pulau Pinang dan akan dikenali sebagai Teras Bandar Baharu Pulau Pinang (PNCC), yang dijangka menarik peluang pelaburan baharu. PNCC akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi berdasarkan inovasi, budaya dan industri kreatif.

*The State Government is looking at new housing initiatives, in addition to extending the supply of Affordable Housing (RMM), especially for the B40 and M40 groups. These initiatives also important so that target for 180,000 RMM units can be reached, as outlined in the Penang Vision 2030. To date, 29,959 units have been completed, 23,985 units are under construction while 48,391 units are in the pipeline. As such, an additional of 77,665 units will be worked on by the State Government, through the cooperation of the private sector, state-owned companies and the Federal Government.*

*In addition, the development of the GEM Mall with a floor area of 24,340 square meters of retail space in the Seberang Perai Tengah area is expected to have a positive impact on the surrounding real estate market. Adjacent to it is the GEM Residences, a 6-hectare development located on the Jalan Baru that offers 978 units of SOHO. A ground-breaking ceremony was held, and the project is expected to be completed by 2022.*

*In tourism sector, there is a proposed development and upgrading works of the infrastructure of Bukit Bendera's cable car which is one of the main tourist attractions in Penang. This cable car route runs from Botanical Garden to the summit of Bukit Bendera. The 2020 Budget has allocated a fund of RM100 million for the project and construction work is expected to begin in the fourth quarter of 2020.*

*Gurney Wharf is a world-class public park on the 24.28 hectare reclaimed Gurney Drive foreshore. This project is reclaimed by Tanjung Pinang Development Sdn Bhd (TPD), a subsidiary of property developer Eastern & Oriental Berhad (E&O). The proposed Gurney Wharf concept master plan encompasses four distinct character areas including Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach and Coastal Grove.*

*The State Government has planned development to ensure that land use is maximized so that it can have a positive impact to the people of Penang. As such, the waterfront area of Weld Quay for parts of Pulau and Butterworth in Seberang Perai will be transformed into a new Penang attraction and will be known as Penang's New City Core (PNCC), which is expected to attract new investment opportunities. PNCC will contribute towards economic development based on innovation, culture and creative industry.*





# PERAK





# PERAK

## GAMBARAN KESELURUHAN

Prestasi pasaran harta tanah negeri ini bertambah baik pada kadar yang perlahan pada 2019. Terdapat 36,035 transaksi bernilai RM8.26 bilion, meningkat masing-masing 0.6% dan 5.1% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (35,835 transaksi bernilai RM7.85 bilion). Subsektor kediaman mengekalkan bahagian utamanya dengan 60.8% daripada keseluruhan transaksi, diikuti oleh subsektor pertanian (30.9%), komersial (5.4%), tanah pembangunan (1.5%) dan industri (1.3%).

Pergerakan pasaran pelbagai bagi semua subsektor. Subsektor pertanian dan komersial masing-masing meningkat 5.1% dan 1.7%. Sebaliknya, kediaman (-0.5%), tanah pembangunan (-12.8%) dan industri (-25.4%) menunjukkan sebaliknya. Dari segi nilai, semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan pengecualian industri dan tanah pembangunan.

## OVERVIEW

The state's property market performance improved at a slow pace in 2019. There were 36,035 transactions worth RM8.26 billion, increased by 0.6% and 5.1% in volume and value respectively as compared to 2018 (35,835 transactions worth RM7.85 billion). Residential sub-sector sustained its major share with 60.8% of the total transactions, followed by agriculture (30.9%), commercial (5.4%), development land (1.5%) and industrial (1.3%) sub-sectors.

Market movements were varied across all sub-sectors. Agriculture and commercial sub-sectors increased by 5.1% and 1.7% respectively. On the other hand, residential (-0.5%), development land (-12.8%) and industrial (-25.4%) showed otherwise. In term of value, all sub-sector recorded positive growth with the exception of industrial and development land.

70

Chart 7.1

Volume of Property Transactions 2015 – 2019



Chart 7.2

Value of Property Transactions 2015 – 2019




Chart 7.3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2019





Chart 7.4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2019



## PROMINENT SALE

**Table 7.1**

**Summary of Prominent Sales Recorded in 2019**

No.	Property	Location	Transaction Year
1.	Maybank Trust Building	Jalan Tun Sambanthan, Ipoh	2019
2.	Marina Jetty	Jalan Teluk Muroh, Marina Island	2019
3.	Awana Estate (100.94 hectares)	Simpang Lima, Manjung	2019
4.	Ganda Estate (765.52 hectares)	Durian Sebatang, Hilir Perak	2018
5.	Pinehill Estate (3,081.85 hectares)	Changkat Jong, Hilir Perak	2018
6.	Impiana Hotel	Jalan Raja Nazrin Shah, Ipoh	2018
7.	Yeob Bay Hotel & Resort	Teluk Senangin, Lumut	2018
8.	UMW Toyota Motor Exhibition Centre	Jalan Kuala Kangsar, Ipoh	2018
9.	Coliseum Square	Jalan Sultan Nazrin Shah, Ipoh	2018
10.	AEON Kinta City	Jalan Azlan Shah, Ipoh	2018


## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Prestasi subsektor kediaman adalah sederhana. Terdapat 21,927 transaksi bernilai RM4.52 bilion, menurun sedikit 0.5% dalam bilangan. Nilai transaksi bagaimanapun meningkat 4.4% berbanding 2018 (22,046 transaksi bernilai RM4.33 bilion). Rumah teres membentuk sebahagian besar transaksi kediaman, menyumbang 45.6% daripada jumlah keseluruhan.

**Chart 7.5**

**Volume of Residential Transactions 2015 – 2019**



### Pelancaran Baharu

Pasaran utama menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila unit yang dilancarkan dan prestasi jualan meningkat dalam tempoh kajian.


## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

The residential sub-sector performance moderated. There were 21,927 transactions worth RM4.52 billion, decreased by a mere 0.5% in volume. Transactions value however, increased by 4.4% as compared to 2018 (22,046 transactions worth RM4.33 billion). Terraced houses formed the bulk of residential transactions, accounting for 45.6% of the total.

**Chart 7.6**

**Value of Residential Transactions 2015 – 2019**




### New Launches

The primary market showed better performance as the units launched and sales performance increased in the review period.

Chart 7.7

New Launches Trend 2015 – 2019



**Status Pasaran**

Prestasi unit kediaman siap dibina tidak terjual bertambah baik di mana bilangannya menurun dalam tempoh kajian.


**Market Status**

*The performance of residential overhang units improved slightly as the number reduced in the review period.*

72

Chart 7.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



**Aktiviti Pembinaan**


Aktiviti pembinaan subsektor kediaman kurang memberangsangkan ditunjukkan oleh kurangnya aktiviti pembinaan. Sehingga akhir 2019, terdapat 491,240 unit kediaman sedia ada dengan 35,740 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 43,616 unit dalam penawaran yang dirancang.

**Construction Activity**

*The residential development was less encouraging evident by fewer new construction activities. As at end-2019, there were 491,240 existing residential units with another 35,740 units in the incoming supply and 43,616 units in the planned supply.*

Chart 7.9

Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Harga dan Sewa

Harga harta tanah kediaman menunjukkan pergerakan bercampur-campur secara keseluruhannya. Dalam segmen bertanah, kebanyakan teres dua tingkat mencatatkan pertumbuhan stabil dan positif manakala teres satu tingkat mencatatkan pergerakan negatif kecil bawah 10.0%. Bagi harta tanah bertingkat tinggi, harga unit kondominium stabil dan mengukuh di lokasi terpilih. Walau bagaimanapun, unit pangsapuri di beberapa skim menunjukkan penurunan harga minima. Sehingga pada Q4 2019, Indeks Harga Semua Rumah untuk negeri ini berada pada 189.9 mata, turun 1.8% daripada 186.6 mata pada Q4 2018. Purata Harga Semua Rumah untuk negeri pada Q4 2019 adalah RM217,387, meningkat daripada RM213,662 pada Q4 2018.

Pasaran sewa kediaman stabil dengan pergerakan dicatatkan di beberapa lokasi. Sewa teres dua tingkat meningkat di beberapa lokasi kerana berdekatan dengan pusat industri, pusat bandar dan kejiranan komersial. Sebaliknya, ketersediaan terhad bagi rumah teres dua tingkat di Bandaraya Ipoh menyebabkan peningkatan sewa. Sewa harta tanah bertingkat tinggi juga stabil dengan kenaikan dicatat di beberapa skim di Manjung dan Bandaraya Ipoh.

## HARTA TANAH KOMERSIAL

### Transaksi

Subsektor komersial menunjukkan sedikit peningkatan dalam tempoh kajian. Terdapat 1,936 transaksi bernilai RM1.29 bilion dicatatkan, meningkat masing-masing 1.7% dan 23.6% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (1,904 transaksi bernilai RM1.04 bilion).

## Price and Rental

*Prices of residential properties showed mix movements across the board. In landed segment, most of double storey terraces recorded stable and positive growth whilst single storey terraces registered marginal negative movements below 10.0%. For high-rise property, price of condominium units was stable and firmed up in choice locations. However, apartment units in several schemes showed a minimal price reduction. As at Q4 2019, the All House Price Index for the state stood at 189.9 points, down by 1.8% from 186.6 points in Q4 2018. The average All House Price for the state as at Q4 2019 stood at RM217,387, increased from RM213,662 in Q4 2018.*

*The residential rental market was stable with movements noted in several locations. Rental of double storey terraces increased in some locations due to its proximity to industrial hub, town centres and commercial neighbourhood. On the other hand, limited availability of double storey low-cost terrace houses in Ipoh City led to the rental increase. Rental of high-rise property was equally stable with increases noted in few schemes in Manjung and Ipoh City.*


## COMMERCIAL PROPERTY

### Transaction

*The commercial sub-sector showed a slight improvement in the review period. There were 1,936 transactions worth RM1.29 billion recorded, increased by 1.7% and 23.6% in volume in and value respectively as compared to 2018 (1,904 transactions worth RM1.04 billion).*

Chart 7.10

Volume of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



## Kedai

### Transaksi

Subsektor kedai merekodkan 1,528 transaksi bernilai RM737.99 juta pada 2019, menyumbang 78.9% daripada transaksi harta tanah komersial dan 57.4% daripada jumlah nilai. Aktiviti pasarannya meningkat 2.8% dalam bilangan dan 2.5% dalam nilai berbanding tahun lepas (1,486 transaksi bernilai RM720.25 juta).


74

### Status Pasaran

Prestasi kedai siap dibina tidak terjual dan unit belum terjual kurang menggalakkan di mana bilangannya meningkat pada 2019.

Chart 7.11

Value of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



## Shop

### Transaction


Shop sub-sector recorded 1,528 transactions worth RM737.99 million in 2019, accounting for 78.9% of the commercial property transactions and 57.4% of the total value. Its market activity increased by 2.8% in volume and 2.5% in value as compared to last year (1,486 transactions worth RM720.25 million).

### Market Status

The performance of shop overhang and unsold units were less encouraging as the numbers increased in 2019.

Chart 7.12

Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Aktiviti Pembinaan


Aktiviti pembinaan subsektor kediaman kurang memberangsangkan kerana aktiviti pembinaan baharu yang sedikit. Sehingga akhir 2019, terdapat 61,723 unit kediaman sedia ada dengan 3,923 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 3,089 unit dalam penawaran yang dirancang.

## Construction Activity

The residential development was less promising evident by fewer new construction activities. As at end-2019, there were 61,723 existing residential units with another 3,923 units in the incoming supply and 3,089 units in the planned supply.

Chart 7.13

## Shop Construction Activity Trend 2015 – 2019

**Kompleks Perniagaan****Penghunian dan Ketersediaan Ruang**


Kadar penghunian keseluruhan kompleks perniagaan adalah 83.7% dengan ambilan tahunan negatif sebanyak 4,215 m.p.

**Shopping Complex****Occupancy and Space Availability**

The overall occupancy rate of the shopping complex stood at 83.7% with a negative annual take up of 4,215 s.m.

Chart 7.14

## Supply and Occupancy of Shopping Complex

**Aktiviti Pembinaan**

Tiada aktiviti pembinaan baru direkodkan dalam tempoh kajian. Sehingga akhir 2019, terdapat 75 kompleks perniagaan sedia ada (952,610 m.p.) dengan tiga kompleks lagi (100,438 m.p.) dalam penawaran akan datang.

**Pejabat Binaan Khas****Penghunian dan Ketersediaan Ruang**

Prestasi pejabat binaan khas tetap teguh dengan purata kadar penghunian 94.3%. Ambilan tahunan adalah positif pada 3,974 m.p.

**Construction Activity**


There was no new construction activity recorded in the review period. As at end-2019, there were 75 existing shopping complexes (952,610 s.m.) with another three complexes (100,438 s.m.) in the incoming supply.

**Purpose-Built Office****Occupancy and Space Availability**

The performance of purpose-built office remained firm with an average occupancy rate of 94.3%. The annual take up was positive at 3,974 s.m.

Chart 7.15

## Supply and Occupancy of Purpose-Built Office



## Aktiviti Pembinaan

Negeri mencatatkan bangunan pejabat kerajaan iaitu Pejabat Agama Islam Seri Iskandar seluas 1,342 m.p. siap dibina. Sehingga akhir 2019, terdapat 224 bangunan pejabat sedia ada (628,252 m.p.) dengan lima bangunan lagi (43,697 m.p.) dalam penawaran akan datang.


## Construction Activity

The state recorded a completion of government office building namely Seri Iskandar Islamic Religious Office with a total space of 1,342 s.m. As at end-2019, there were 224 existing purpose-built office buildings (628,252 s.m.) with another five buildings (43,697 s.m.) in the incoming supply.

76

Chart 7.16

## Construction Activity of Purpose-Built Office



## Riadah

Di subsektor riadah, negeri ini menyaksikan empat hotel siap dibina dalam tempoh kajian menawarkan sejumlah 201 bilik ke dalam pasaran.

## Leisure

In the leisure sub-sector, the state witnessed four hotels completed in the review period offering a combined of 201 rooms into the market.

Table 7.2

## List of the Hotel Completions

No.	Hotel Name	Location	No. of Rooms
1.	Casa Meru Hotel	Meru	45
2.	O & G Boutique Hotel	Parit Buntar	50
3.	Sojourn Guest House Ipoh	Jalan Sultan Abdul Jalil, Ipoh	41
4.	Tourist Hotel Pangkor	Pangkor	65



## PROSPEK 2020

Pasaran harta tanah dijangka bertahan disokong oleh pelbagai projek pembangunan infrastruktur yang sedang berjalan dan dalam perancangan bagi 2020. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek-projek persekutuan yang akan dilaksanakan di Perak berjumlah RM2.30 bilion meliputi pelbagai projek. Antara projek pembangunan yang diluluskan adalah:

- **Hospital Kampar**  
Hospital Kampar yang baharu akan dibina di atas tanah seluas 11.3 hektar yang terletak berhampiran Kampung Changkat Baru.
- **Menaik taraf dan meluaskan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah**  
Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM150 juta untuk menaik taraf lapangan terbang ini. Kerja-kerja menaik taraf akan melibatkan pembesaran bangunan terminal dan untuk memanjangkan landasan.
- **Pembinaan Pusat Rehabilitasi teknologi robotik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**  
Pusat rehabilitasi baharu itu dijangka akan dibina di atas tanah seluas 40.4 hektar berdekatan dengan jalan keluar Lebuhraya Utara-Selatan. Apabila siap dibina, pusat rehabilitasi ini akan dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk robotik, rawatan trauma dan pusat kecemerlangan untuk pencegahan kemalangan.

Dalam segmen kediaman, Dasar Perumahan Negeri Perak (DPNP) telah ditambah baik. DPNP 2019 akan berfungsi sebagai panduan dan mekanisme kawalan bagi Kerajaan Negeri Perak untuk membangunkan perumahan secara lebih sistematik, berkualiti, selesa dan mampu dimiliki. Untuk mencapai sasaran membina 50 ribu unit rumah kos rendah dan sederhana dalam tempoh lima tahun, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan insentif berikut kepada pemaju:

- a) Pengecualian fi bagi pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana sama ada rumah bertanah atau berbilang tingkat;
- b) Insentif bayaran premium RM100 seunit bagi setiap unit kos rendah dan RM1,000 seunit bagi setiap unit kos sederhana yang dibangunkan;
- c) Caj pemajuan 5% khusus untuk pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana; dan
- d) Pengecualian caj sumbangan saliran bagi keluasan tanah di dalam kawasan skim yang dibangunkan dengan rumah kos rendah dan kos sederhana.

## 2020 OUTLOOK

*The property market is expected to sustain supported by various infrastructure on-going and proposed development projects for 2020. The Federal Government has approved federal projects to be implemented in Perak amounting to RM2.30 billion covering various projects. Among the approved development projects are:*

- **Kampar Hospital**  
*The new Kampar Hospital will be built on an 11.3 hectares piece of land which is located near Kampung Changkat Baru.*
- **Upgrading and extending the Sultan Azlan Shah Airport**  
*The Federal Government had allocated RM150 million for upgrading the airport. The upgrading works would involve an expansion of the terminal building and to extend the runway.*
- **Construction of robotic technology Social Security Organisation (SOCSO) Rehabilitation Centre**  
*The new rehabilitation centre is expected to be built on a 40.4 hectares piece of land nearby the North-South Expressway exit. Upon completion, the rehabilitation centre will be equipped with the latest technology including robotics, trauma treatment and a centre of excellence for the prevention of accidents.*

*In residential segment, the Perak State Housing Policy (DPNP) has been improved. The DPNP 2019 will serve as a guide and control mechanism for the Perak State Government to develop more systematic, quality, comfortable and affordable housing. To achieve the goal of building 50 thousand units of low and medium cost houses within five years, the State Government will introduce the following incentives to developers:*

- a) *Exemption of fees for low- and medium-cost housing developments of either landed or high-rise;*
- b) *Incentive payment of premiums of RM100 per unit for low-cost units and RM1,000 per unit for medium-cost units developed;*
- c) *5% development charge specifically for low- and medium-cost housing development; and*
- d) *Exemption of drainage contribution charges for land area within the scheme area developed with low and medium cost houses.*

Di samping itu, terdapat beberapa cadangan pembangunan dalam sektor pelancongan untuk menarik lebih banyak pelancong sejajar dengan fokus negeri untuk meningkatkan sektor ini. Terdapat beberapa projek yang akan dibangunkan di Pulau Pangkor iaitu:

- a) Galeri dan Dataran Nelayan Pangko di Sungai Pinang Besar;
- b) menaik taraf jeti penumpang dan kargo;
- c) menaik taraf gerai di Dataran Kurma;
- d) menaik taraf laluan pejalan kaki; dan
- e) kerja-kerja mengindahkan Teluk Baru.


Tambahan pula, pembangunan di kawasan Pintu Sempadan Pengkalan Hulu - Betong juga telah dilaksanakan. Ia adalah satu usaha untuk memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Pintu Gerbang Antarabangsa dengan mewujudkan Border Town di kawasan tersebut. Oleh itu, RM1.5 juta akan diperuntukkan untuk menyusun semula gerai-gerai sedia ada dan menambahbaik kemudahan infrastruktur. Inisiatif ini sebagai persediaan limpahan kegiatan ekonomi setempat selari dengan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Betong, Thailand yang dijangka siap dan mula digunakan pada tahun 2020.

*In addition, there are several proposed development in tourism sector to attract more tourists in line with the state's focus to boost this sector. There are some projects that will be developed in Pulau Pangkor namely:*

- a) Pangkor Fisherman's Gallery and Square in Sungai Pinang Besar;*
- b) upgrading of passenger and cargo jetty,*
- c) upgrading the booth in Dataran Kurma;*
- d) the upgrading of the pedestrian path; and*
- e) beautifying works of Teluk Baru.*

*Furthermore, development at Pengkalan Hulu - Betong Border Gate area also has been implemented. It is an effort to strengthen the Pengkalan Hulu as an International Gate by establishing Border Town in the area. Thus, RM1.5 million will be allocated to remodel existing stalls and improving infrastructure. The initiative is in preparation for a spill of local economic activity in line with the development of the Betong International Airport, Thailand which is expected to be completed and ready for use by 2020.*

# NEGERI SEMBILAN



# NEGERI SEMBILAN

## GAMBARAN KESELURUHAN

Prestasi pasaran harta tanah di negeri ini adalah perlahan dalam tempoh kajian. Terdapat 16,227 transaksi direkodkan bernilai RM7.42 bilion, susut 8.1% dalam bilangan. Walaubagaimanapun, nilai transaksi meningkat 9.5% berbanding 2018 (17,655 transaksi bernilai RM6.78 bilion). Subsektor kediaman mengekalkan syer terbesar dengan 66.5% daripada bilangan jumlah transaksi diikuti oleh subsektor pertanian (22.6%), subsektor komersial (5.7%), subsektor tanah pembangunan (3.2%) dan subsektor industri (2.2%).





Aktiviti pasaran di semua subsektor menunjukkan pergerakan bercampur. Subsektor industri dan pertanian masing-masing meningkat 8.0% dan 4.8%. Sebaliknya, penurunan dicatatkan bagi subsektor kediaman (-12.3%), komersial (-8.1%) dan tanah pembangunan (-4.7%). Dari segi nilai, semua subsektor mencatat aliran menurun kecuali subsektor pertanian dan tanah pembangunan yang menunjukkan aliran menaik.

## OVERVIEW

The state's property market performance softened in the review period. There were 16,227 transactions recorded worth RM7.42 billion, decreased by 8.1% in volume. Nevertheless, the value of transaction increased by 9.5% over 2018 (17,655 transactions worth RM6.78 billion). The residential sub-sector retained its lion share with 66.5% of the total transactions followed by agriculture (22.6%), commercial (5.7%), development land (3.2%) and industrial (2.2%) sub-sectors.

Market activity across all sub-sectors showed a mixed movements. Industrial and agriculture sub-sectors increased by 8.0% and 4.8% respectively. On the contrary, decline recorded for residential sub-sector (-12.3%), commercial (-8.1%) and development land (-4.7%). In terms of value, all sub-sectors recorded downward trend except for agriculture and development land sub-sectors, which showed uptrend.

80



## PROMINENT SALES

Table 8.1

Summary of Prominent Sales Recorded in 2019

No.	Property	Location	Transaction Year
1.	Pelin Estate	Kundur, Rembau	2019
2.	Estate Land	Kampung Baru Gedok, Gemenchek	2019
3.	Estate Land	Kampung Baru Gedok, Gemenchek	2019

Tempoh kajian juga menyaksikan beberapa pembelian pukal. Antaranya ialah 36 plot teres kediaman dan 51 plot berkembar di Taman Regent, Gemenchek dan 22 plot teres kediaman dan 3 plot berkembar di Ulu Lalang, Jalan Sungai Gadut – Rantau, Seremban.

*The review period also saw several bulk purchases. Among these were 36 terraced plots and 51 semi-detached plots in Taman Regent, Gemenchek and 22 terraced plots and 3 semi-detached plots in Ulu Lalang, Jalan Sungai Gadut – Rantau, Seremban.*

## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Subsektor ini mencatatkan 10,783 transaksi bernilai RM2.94 bilion, menurun 12.3% dalam bilangan dan 17.2% dalam nilai. Transaksi rumah teres mendominasi 56.2% (6,055 unit) transaksi harta tanah kediaman.

## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

*The sub-sector recorded 10,783 transactions worth RM2.94 billion, shrank by 12.3% in volume and 17.2% in value. Terraced houses transactions dominated 56.2% (6,055 units) of the residential property transactions.*

Chart 8.5

Volume of Residential Property Transactions 2015 – 2019





Chart 8.6

Value of Residential Property Transactions 2015 – 2019



## Pelancaran Baharu


Prestasi pelancaran baharu di pasaran utama menurun 30.2% pada tahun kajian berbanding 2018. Pada perkembangan yang sama, prestasi jualan juga perlahan sedikit berbanding 2018. Teres dua dan tiga tingkat membentuk sebahagian besar pelancaran baharu, menyumbang 80.1% (2,188 unit) daripada keseluruhan.

## New Launches

*The performance of new launches in the primary market decreased by 30.2% in the review period as compared to 2018. On a similar note, the sales performance also slightly slower compared to 2018. Two to three storey terraces formed most of the new launches, accounting for 80.1% (2,188 units) of total.*

Chart 8.7

New Launches Trend 2015 – 2019



### Status Pasaran

Unit kediaman siap dibina tidak terjual dan dalam pembinaan belum terjual menyaksikan peningkatan bilangan manakala belum dibina belum terjual berkurang dalam tempoh kajian.


### Market Status

*The residential overhang units and unsold under construction witnessed increasing numbers while the unsold not constructed reduced in the review period.*

82

Chart 8.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



### Aktiviti Pembinaan

Subsektor ini merekodkan lebih banyak aktiviti pembinaan memandangkan bilangan siap dibina, mula dibina dan penawaran baru dirancang meningkat dalam tempoh kajian. Sehingga akhir 2019, terdapat 281,836 unit kediaman sedia ada dengan 17,684 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 32,948 unit dalam penawaran yang dirancang.


### Construction Activity

*This sub-sector recorded more construction activities as the number of completion, start and new planned supply rose in the review period. As at end-2019, there were 281,836 existing residential units with another 17,684 units in the incoming supply and 32,948 units in the planned supply.*



Chart 8.9

## Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Harga dan Sewa

Harta tanah kediaman mencatatkan trend harga yang stabil secara keseluruhan. Rumah yang terletak di kawasan baik dilengkapi rangkaian jalan raya yang cekap dan berdekatan institusi pengajian tinggi mengalami peningkatan modal. Harga rumah teres satu tingkat di Taman Tanjung, Port Dickson and Taman Panchor Jaya I & II, Seremban menikmati kenaikan modal melebihi 15.0%. Rumah teres dua tingkat di Taman Seremban Jaya VI merekodkan kenaikan harga tertinggi 20.8% dengan RM410,000 hingga RM460,000 seunit manakala Taman Tuanku Jaafar IV jatuh 10.7% dengan harga dari RM230,000 hingga RM300,000 seunit. Pada 2019, Indeks Harga Semua Rumah meningkat kepada 190.6 mata, naik 2.0% daripada 186.9 mata pada 2018. Harga Purata Semua Rumah bagi negeri ini pada 2019 adalah RM255,834 meningkat dari RM250,834 pada 2018.

Pasaran sewa kediaman secara amnya adalah stabil. Teres satu tingkat di beberapa skim menunjukkan pertumbuhan dua angka iaitu Taman ACBE, Jempol, Taman Wira Jaya, Kuala Pilah dan Taman Bunga Blossom, Seremban. Sementara itu, sewa unit bertingkat tinggi kekal stabil, cuma Citra Embun, Bukit Citra Pajam dan Desa Jati Apartment, Nilai mencatatkan kenaikan sewa 7.7% hingga 8.3%.

## HARTA TANAH KOMERSIAL

### Transaksi

Subsektor komersial mencatatkan 917 transaksi bernilai RM557.20 juta dalam tempoh kajian. Ini menunjukkan penurunan 8.1% dalam bilangan dan 8.2% dalam nilai (2018: 998 transaksi bernilai RM606.78 juta).

## Price and Rental

*Residential properties registered stable price trend across the board. Houses located in good location served with efficient road linkages and adjacent to higher learning institutions experienced capital appreciation. Single storey terrace houses located in Taman Tanjung, Port Dickson and Taman Panchor Jaya I & II, Seremban enjoy more than 15.0% capital appreciation. The double storey terrace houses at Taman Seremban Jaya VI recorded the highest increment at 20.8% with price ranging from RM410,000 to RM460,000 per unit while Taman Tuanku Jaafar IV drop at 10.7% with price ranging from RM230,000 to RM300,000 per unit. As at 2019, the All House Price Index stood at 190.6 points, increased by 2.0% from 186.9 points in 2018. The average All House Price for the state as at 2019 stood at RM255,834 increased from RM250,834 in 2018.*

*The residential rental market was generally stable. Single storey terraces in several schemes portrayed double-digit growth namely Taman ACBE, Jempol, Taman Wira Jaya, Kuala Pilah and Taman Bunga Blossom, Seremban. Meanwhile, rentals of highrise units remained stable, only Citra Embun, Bukit Citra Pajam and Desa Jati Apartment, Nilai recorded a rental increase of 7.7% to 8.3%.*

## COMMERCIAL PROPERTY

### Transaction

*The commercial sub-sector recorded 917 transactions worth RM557.20 million in the review period. This indicated a decline of 8.1% in volume and 8.2% in value (2018: 998 transactions worth RM606.78 million).*



Chart 8.10

Volume of Commercial Property Transactions 2015 – 2019





Chart 8.11

Value of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



**Kedai**

**Transaksi**

Subsektor kedai mencatat 581 transaksi bernilai RM380.62 juta pada tahun 2019, menyumbang 63.4% transaksi harta tanah komersial dan 68.3% jumlah nilai. Aktiviti pasaran adalah sama menurun, berkurang 20.5% dalam bilangan dan 5.3% dalam nilai. Kedai dua hingga dua setengah tingkat mendominasi 66.1% (384 unit) transaksi kedai.

**Status Pasaran**

Kedai siap dibina tidak terjual memperlihatkan trend bercampur-campur. Unit siap dibina dan unit belum dibina belum terjual menyaksikan peningkatan bilangan, manakala dalam pembinaan belum terjual menyaksikan prestasi lebih baik berdasarkan bilangan yang berkurang dalam tempoh kajian.

**Shop**

**Transaction**

Shop sub-sector recorded 581 transactions worth RM380.62 million in 2019, accounting for 63.4% of the commercial property transactions and 68.3% of the total value. Its market activity was on a similar downtrend, reduced by 20.5% in volume and 5.3% in value. Two to two and a-half storey shops dominated 66.1% (384 units) of the shop transactions.

**Market Status**

Mixed trend was seen in shop overhang and unsold. Overhang unit and unsold not constructed unit witnessed increasing numbers, meanwhile unsold under construction saw a better performance as the numbers declined in the review period.

Chart 8.12

Shop Market Status Trend 2015 – 2019




### Aktiviti Pembinaan

Subsektor aktiviti pembinaan keseluruhannya menurun dengan penguncupan dalam siap dibina, mula dan penawaran baru dirancang. Pada akhir 2019, terdapat 25,843 unit kedai sedia ada dengan 1,447 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 2,690 unit penawaran yang dirancang.

### Construction Activity

The sub-sector's construction activities generally toned down with contraction in completion, start and new planned supply. As at end-2019, there were 25,843 existing shop units with another 1,447 units in the incoming supply and 2,690 units in the planned supply.



### Kompleks Perniagaan

#### Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Keseluruhan kadar penghunian adalah sedikit rendah 69.8% berbanding 70.7% pada 2018. Ambilan meningkat sebanyak 8,473 m.p. disebabkan oleh peningkatan penghunian daripada kompleks perniagaan yang baharu siap dibina.

### Shopping Complex

#### Occupancy and Space Availability

The overall occupancy rate was slightly lower at 69.8% as compared with 70.7% in 2018. The annual take-up was positive at 8,473 s.m. attributed to the additional occupancy from new completion of shopping complexes.

### Aktiviti Pembinaan

Subsektor ruang niaga memperlihatkan dua kompleks baharu bagi tempoh kajian. Kompleks tersebut ialah Econsave Supermarket di Mantin dan UNICITY Mall di Seremban 3 dengan jumlah keseluruhan ruang adalah 18,626 m.p. Pada akhir 2019, terdapat 93 kompleks perniagaan (595,880 m.p) dengan satu kompleks (5,534 m.p) dalam penawaran yang dirancang.

### Construction Activity

The retail sub-sector saw two new complexes in the review period. They were Econsave Supermarket, Mantin and UNICITY Mall in Seremban 3 with a combined space of 18,626 s.m. As at end-2019, there were 93 existing shopping complexes (595,880 s.m.) with another one complex (5,534 s.m.) in the planned supply.

**Table 8.2**  
**List of Completion for Shopping Complex**

No.	Property	Location	Floor Area (s.m.)
1.	Econsave Supermarket	Mantin	3,584
2.	UNICITY Mall	Seremban 3	15,042

## **Sewa**

Secara amnya, sewa ruang niaga adalah stabil secara keseluruhannya dengan peningkatan dicatatkan di Regina Mall, Port Dickson dan Angsana Seremban. Kedua-dua kompleks ini mencatatkan sewaan dalam lingkungan 5.0% hingga 7.0% disebabkan pembaharuan sewa.

## **Pejabat Binaan Khas**

### **Penghunian dan Ketersediaan Ruang**

Prestasi bangunan pejabat binaan khas kekal kukuh dengan purata kadar penghunian 90.8% berbanding 90.3% pada 2018. Ambilan juga positif pada 21,574 m.p. (2018: 4,077 m.p).

### **Aktiviti Pembinaan**

Terdapat sebuah bangunan pejabat binaan khas baharu siap dibina tahun 2019 iaitu Pejabat Agama Daerah Jelebu dengan jumlah ruang 1,965 m.p. Sehingga akhir 2019, terdapat 107 pejabat binaan khas sedia ada (333,083 m.p) dengan tiga bangunan (9,487 m.p) dalam penawaran akan datang dan satu bangunan (2,130 m.p) dalam penawaran yang dirancang.

## **Sewa**

Sewa pasaran pejabat adalah stabil. Bangunan pejabat di lokasi yang baik dan berdekatan atau dalam hab transit bandar adalah antara yang mendapat permintaan yang tinggi dan menikmati sewa yang lebih tinggi. Plaza Seremban mencatatkan kenaikan sewa antara 3.0% dan 9.0%, dari RM10.76 s.m.p hingga RM18.83 s.m.p.

## **PROSPEK 2020**

Pasaran harta tanah negeri dijangka kekal positif disokong oleh pelbagai projek pembangunan semasa dan akan datang. Pembangunan infrastruktur pengangkutan tetap menjadi tumpuan di Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson selaras dengan pembangunan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0). Antaranya projek tersebut ialah:

### **i. Pembinaan Jalan Baharu Dari Nilai-Labu Ke Bandar Enstek**

Jalan baharu sepanjang 16.82 kilometer dua hala dengan kos RM415 juta ini melibatkan pembinaan tiga persimpangan utama, enam jambatan, tembok penahan, lampu jalan serta lampu isyarat dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2021.

## **Rental**

*Generally, rental of retail space was stable across the board with increases recorded in Regina Mall, Port Dickson and Angsana Seremban. Both complexes registered rental ranging from 5.0% to 7.0% due to rental renewals.*

## **Purpose-Built Office**

### **Occupancy and Space Availability**

*The performance of purpose-built office remained sturdy with an average occupancy rate of 90.8% in comparison to 90.3% in 2018. Take-up was positive at 21,574 s.m. (2018: 4,077 s.m)*

### **Construction Activity**

*There was one new completion of purpose-built office building recored in 2019 namely Pejabat Agama Daerah Jelebu with a total space of 1,965 s.m. As at end 2019, there were 107 existing purpose-built offices (333,083 s.m.) with another three buildings (9,487 s.m.) in the incoming supply and one building (2,130 s.m.) in the planned supply.*

## **Rental**

*The office rental market was largely stable. Office buildings in good locations with close proximity or within city transit hub are among those which were in demand and fetched higher rents. Plaza Seremban recorded rental increase between 3.0% and 9.0%, ranging from RM10.76 p.s.m. to RM18.83 p.s.m.*

## **2020 OUTLOOK**

*The state's property market would remain on a positive path backed by various on-going and proposed development projects. Transport infrastructure development remains the state's focus in District of Seremban and Port Dickson in line with Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0). Among the projects are:*

### **i. Pembinaan Jalan Baharu Dari Nilai-Labu Ke Bandar Enstek**

*This RM415 million, 16.82 kilometres dual carriageway new road project involves the construction of three major junction, six bridges, retaining walls, street lights and traffic lights are expected to be completed by July 2021.*

**ii. Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)**

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 640 kilometer bakal menghubungkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dengan Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sebanyak dua stesen ECRL akan dibina di Negeri Sembilan iaitu di Nilai dan Kuala Klawang. Stesen Nilai akan dijadikan hub pengangkutan. Sebuah stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM) akan dibina di perhentian ECRL Nilai yang akan dibina tidak lama lagi. Projek RM44 billion ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2026.

Di subsektor kediaman, Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) telah menjalankan Projek Perumahan Penjawat Awam Negeri Sembilan pertama di tanah milik PKNNS seluas 45.10 ekar yang melibatkan 351 unit rumah. Yayasan Negeri Sembilan (YNS) turut merancang projek pembinaan rumah mampu milik untuk orang awam dengan keluasan 100 ekar.

Projek-projek pembangunan utama juga dijangkakan dapat memberikan impak yang positif ke atas pasaran harta tanah di Negeri Sembilan. Antara projek tersebut adalah: -

**i. Kompleks Institute of Neuroscience (INS)**

Kompleks INS bernilai RM1.2 billion yang telah mula dibina ini adalah projek usahasama antara Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan KIT International Group Sdn. Bhd. (KIG) atas tanah MBI seluas 4 hektar di Pedas. Selain hospital swasta dengan 200 katil khusus dalam Perubatan Neurosains, kompleks INS ini juga menyediakan pusat rehabilitasi, pusat latihan, pusat penyelidikan & pembangunan, hotel empat bintang dan pusat konvensyen & komersial. Apabila siap nanti, INS bakal mewujudkan 1,300 peluang pekerjaan langsung dan 3,000 peluang pekerjaan tidak langsung tempatan.

**ii. Nilai Vision City**

Keseluruhan pembangunan dibahagi kepada dua fasa. Fasa pertama Youth City terdiri daripada 37 & 38 tingkat menara dengan kemudahan mewah bertaraf lima bintang dengan menawarkan 3,021 unit dengan luas binaan dari 460 kaki persegi hingga 1,008 kaki persegi. Fasa kedua pula terdiri daripada pusat pameran dan konvensyen, hotel, taman tema, hab pendidikan antarabangsa dan kompleks membeli-belah. Fasa pertama dijangka akan disiapkan menjelang suku ketiga 2021.

**ii. East Coast Rail Link (ECRL)**

*The 640 kilometres East Coast Rail Link (ECRL) will connect the states of Kelantan, Terengganu, Pahang with Negeri Sembilan, Selangor and Federal Territory Putrajaya. There will be two ECRL station in Negeri Sembilan namely in Nilai and Kuala Klawang. Nilai station would be turned into a transportation hub. A new Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM) station will be built at the soon-to-be-constructed East Coast Rail Link (ECRL) stop in Nilai. This RM44 billion project is expected to be completed fully by end of 2026.*

*In the residential sub-sector, the state government also via Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) have executed the first state government servants housing project on 45.1 acre PKNNS land providing 351 houses. Yayasan Negeri Sembilan (YNS) also have planned affordable housing project for the public with area of 100 acre.*

*Major development projects in Negeri Sembilan are expected to have a positive impact on the property market. The projects are as follows:*

**i. Institute of Neuroscience (INS) Complex**

*The commenced RM1.2 billion INS complex is a joint venture project between Menteri Besar Incorporated (MBI) and KIT International Group, on 4 hectares MBI land in Pedas. Apart from a 200-bed private hospital specialising in neuro-surgery, the INS complex will also have rehabilitation, training, research and development centres, a four-star hotel and a convention and commercial centre. Upon completion, INS will create some 1,300 direct and 3,000 indirect employment opportunities for locals.*

**ii. Nilai Vision City**

*The whole development divided into two phases. The first phase Youth City comprising 37 & 38 storeys towers with five Star luxurious facilities offer 3,021 units with built-ups ranging of 460 square feet to 1,008 square feet. Phase two comprises of exhibition and convention centre, hotel, theme park, international educational hub and shopping complex. Phase one is expected to complete by third quarter 2021.*

**iii. XME Business Park**

XME Business Park akan menjadi taman industri terurus pertama di negeri ini dengan kedudukan strategik bersebelahan Tol Nilai, Lebuhraya Utara-Selatan dan dalam kawasan Pembangunan Malaysian Vision Valley (MVV) 2.0. Pembangunan atas tanah pegangan kekal seluas 28 hektar, taman industri dengan kawalan keselamatan 24 jam ini membabitkan dua fasa dengan jumlah GDV RM500 juta. Fasa pertama meliputi 75 unit kilang berkembar dengan luas binaan dari 5,600 kaki persegi hingga 29,000 kaki persegi dan harga dari RM2.5 juta hingga RM18.5 juta. Pembangunan ini dijangka siap pada suku ketiga 2022.

**iii. XME Business Park**

*The state's first managed industrial park strategically located by Nilai Tol, North-South Expressway and within the development area of Malaysian Vision Valley (MVV) 2.0. Sprawling over 28 hectares of prime and freehold land, the 24-hour security industry park, will be developed over two phases with total GDV of RM500 million. Phase one will have 75 units of semi-detached with built-up areas ranging from 5,600 square feet to 29,000 square feet and priced from RM2.5 million to RM18.5 million. The development is expected to be completed by third quarter 2022.*

# MELAKA





# MELAKA

## GAMBARAN KESELURUHAN

Pasaran harta tanah negeri ini terus berkembang pada 2019. Terdapat 15,354 transaksi bernilai RM5.22 bilion, masing-masing meningkat 9.7% dan 21.3% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (13,994 transaksi bernilai RM4.30 bilion). Mengikut bahagian pasaran, subsektor kediaman menerajui transaksi keseluruhan dengan 64.7%, diikuti oleh subsektor pertanian (15.6%), tanah pembangunan (9.6%), komersial (7.5%), dan industri (2.6%).





Prestasi semua subsektor berada pada trend menaik kecuali pertanian yang menurun 11.9%. Komersial mendahului peningkatan sebanyak 15.3%, diikuti oleh subsektor kediaman (15.5%), tanah pembangunan (14.3%) dan industri (6.6%). Begitu juga, trend yang sama dilihat dari segi nilai. Semua subsektor mencatat pergerakan positif kecuali subsektor pertanian yang menurun 9.1%.

## OVERVIEW

The state's property market continued to grow in 2019. There were 15,354 transactions worth RM5.22 billion, increased by 9.7% and 21.3% in volume and value respectively in comparison with 2018 (13,994 transactions worth RM4.30 billion). By market share, residential sub-sector spearheaded the overall transactions with 64.7%, followed by agriculture (15.6%), development land (9.6%), commercial (7.5%), and industrial (2.6%) sub-sectors.

Performance of all sub-sector were on upward trend except for agriculture which decreased by 11.9%. Commercial led the increase by 15.3%, followed by residential (15.5%), development land (14.3%) and industrial (6.6%) sub-sectors. Correspondingly, similar trend was seen in terms of value. All sub-sectors recorded positive movements with exception of agriculture sub-sector which decreased by 9.1%.

90





## PROMINENT SALE

Table 9.1

Summary of Prominent Sales Recorded in 2019

No.	Property	Location	Transaction Year
1.	Avillion Legacy Hotel	Jalan Hnag Tuah, Melaka	2019
2.	MYDIN Hypermarket	MITC, Ayer Keroh	2019
3.	Faithview Plantation Estate	Jalan Durian Tunggal – Sempang	2018
4.	Estate land (67.31 hectares)	Jalan Bertam – Sungai Udang	2018


## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Prestasi subsektor kediaman bertambah baik dalam tempoh kajian. Terdapat 9,933 transaksi bernilai RM2.69 bilion, masing-masing menunjukkan peningkatan 15.3% dan 22.9% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (8,613 transaksi bernilai RM2.19 bilion). Mengikut jenis, rumah teres menguasai 56.0% (5,562 transaksi) transaksi harta tanah kediaman yang terdiri daripada 3,935 teres tingkat satu dan 1,627 teres dua tingkat.

Chart 9.5

Volume of Residential Property Transactions 2015 – 2019



### Pelancaran Baharu

Pasaran utama menurun dengan kurang unit yang dilancarkan. Prestasi jualan walau bagaimanapun, bertambah baik berbanding 2018.


## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

The residential sub-sector performance improved in the review period. There were 9,933 transactions worth RM2.69 billion, indicating an increase of 15.3% and 22.9% in volume and value respectively in comparison with 2018 (8,613 transactions worth RM2.19 billion). By type, terraced houses dominated 56.0% (5,562 transactions) of the residential property transactions comprising 3,935 single storey terraces and 1,627 double storey terraces.

Chart 9.6

Value of Residential Property Transactions 2015 – 2019




### New Launches

The primary market eased with fewer units launched. Sales performance however, improved as compared to 2018.

Chart 9.7

New Launches Trend 2015 – 2019



**Status Pasaran**


Prestasi unit kediaman siap dibina tidak terjual dan dalam pembinaan belum terjual merekodkan prestasi yang lebih baik di mana bilangannya berkurangan dalam tempoh kajian..

**Market Status**

*The performance of residential overhang and unsold under construction units improved as the number eased in the review period.*

Chart 9.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



92

**Aktiviti Pembinaan**


Aktiviti pembinaan subsektor kediaman perlahan dalam tempoh kajian. Sehingga akhir 2019, terdapat 197,024 unit kediaman sedia ada dengan 17,813 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 17,888 unit dalam penawaran yang dirancang.

**Construction Activity**

*The residential sub-sector's construction activity softened in the review period. As at end-2019, there were 197,024 existing residential units with another 17,813 units in the incoming supply and 17,888 units in the planned supply.*

Chart 9.9

Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Harga dan Sewa

Harga harta tanah kediaman berada pada mod stabil dengan pergerakan bercampur-campur dicatatkan di lokasi terpilih. Teres satu tingkat di Taman Rambai Idaman, Taman Rambai Tengah dan Taman Saujana Indah mencatatkan pertumbuhan dua angka disebabkan oleh lokasi yang strategik. Walau bagaimanapun, trend menurun minima dilihat bagi teres dua tingkat di beberapa skim dalam Melaka Tengah. Begitu juga, trend harga segmen berstrata juga pelbagai. Unit pangsapuri dan kondominium yang terletak di dalam pusat bandar memperoleh peningkatan nilai modal. Sehingga Q4 2019, Indeks Harga Semua Rumah bagi negeri ini adalah 173.0 mata, naik 2.2% daripada 169.3 mata pada Q4 2018. Purata Harga Semua Rumah bagi negeri ini pada Q4 2019 berjumlah RM190,756, meningkat daripada RM186,748 pada Q4 2018. Secara amnya, pasaran sewa kediaman stabil di seluruh negeri.


## HARTA TANAH KOMERSIAL

### Transaksi

Subsektor komersial menunjukkan prestasi lebih baik pada 2019. Terdapat 1,146 transaksi bernilai RM1.13 bilion dicatatkan, masing-masing meningkat 15.5% dan 22.8% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (992 transaksi bernilai RM917.11 juta).

Chart 9.10

Volume of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



### Kedai

#### Transaksi

Terdapat 701 transaksi bernilai RM421.32 juta pada 2019, mencakupi 61.2% daripada transaksi harta tanah komersial dan 37.4% daripada jumlah keseluruhan nilai. Aktiviti pasarannya meningkat 20.9% dalam bilangan dan 36.2% dalam nilai berbanding 2018 (580 transaksi bernilai RM309.44 juta).

## Price and Rental

Residential property prices were on a stable mode with mixed movements noted in selected locations. Single storey terraces in Taman Rambai Idaman, Taman Rambai Tengah and Taman Saujana Indah registered a double-digit growth due to their strategic locations. However, minimal downward trend was seen for double storey terraces in several schemes of Melaka Tengah. Likewise, price trend for stratified segment also varied. Apartment and condominium units located within town centre registered capital gains. As at Q4 2019, the All House Price Index for the state stood at 173.0 points, up by 2.2% from 169.3 points in Q4 2018. The average All House Price for the state as at Q4 2019 stood at RM190,756, increased from RM186,748 in Q4 2018. Generally, the residential rental market was stable across the board.


## COMMERCIAL PROPERTY

### Transaction

The commercial sub-sector showed a better performance in 2019. There were 1,146 transactions worth RM1.13 billion recorded, increased by 15.5% and 22.8% in volume and in value respectively as compared to 2018 (992 transactions worth RM917.11 million).

Chart 9.11

Value of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



### Shop

#### Transaction

There were 701 transactions worth RM421.32 million in 2019, accounting for 61.2% of the commercial property transactions and 37.4% of the total value. Its market activity increased by 20.9% in volume and 36.2% in value in comparison with 2018 (580 transactions worth RM309.44 million).

## Status Pasaran


Situasi unit kedai siap dibina tidak terjual dan belum terjual kurang memberangsangkan di mana bilangannya meningkat dalam tempoh kajian.

## Market Status

*The overhang and unsold situation was less promising as the numbers grew in the review period.*

Chart 9.12

Shop Market Status Trend 2015 – 2019



## Aktiviti Pembinaan

94


Subsektor ini menyaksikan pergerakan bercampur-campur dalam aktiviti pembinaan. Sehingga akhir 2019, terdapat 22,438 unit kedai sedia ada dengan 1,635 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 1,172 unit dalam penawaran yang dirancang.

## Construction Activity

*The sub-sector saw mixed movements in construction activity. As at end-2019, there were 22,438 existing shop units with another 1,635 units in the incoming supply and 1,172 units in the planned supply.*

Chart 9.13

Shop Market Status Trend 2015 – 2019



## Riadah

Di subsektor riadah, negeri ini menyaksikan Hotel Armes siap dibina menawarkan 301 bilik ke dalam pasaran.

## Leisure

*In the leisure sub-sector, the state witnessed the completion of Armes Hotel offering 301 rooms into the market.*

## PROSPEK 2020

Kerajaan Negeri Melaka akan menukar konsep pemilikan rumah daripada penyewaan kepada sewa beli (Rent to Own) untuk projek sedia ada seperti PPR Krubong dan PPR Tehel. Kerajaan Negeri juga merancang untuk membina 500 rumah yang dikenali sebagai 'Rumah Berkat' bagi pasangan yang baru berkahwin untuk disewakan sehingga tiga tahun.

Pembangunan pesat infrastruktur di Melaka ketika ini telah menarik pelabur dan warga asing untuk menjadikan Melaka sebagai tempat kediaman dan perniagaan tetap mereka. Ini dapat dilihat apabila terdapat permintaan yang tinggi oleh pemaaju pembangunan harta tanah yang memohon untuk menaikkan kuota Warga Negara Asing melebihi kadar kuota yang ditetapkan. Kerajaan Negeri bercadang mengenakan caj levi ke atas permohonan kuota tambahan bagi harta tanah jenis kondominium/pangsapuri sebanyak 2%, lot perniagaan termasuk unit komersial dan pangsapuri servis sebanyak 3% peratus dan caj levi kepada hotel tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri. Kenaikan ini dijangka akan mengurangkan permintaan dari warga asing tetapi akan meningkatkan permintaan warga tempatan.

Isu penyuraian trafik di negeri ini masih diberi penekanan utama oleh Kerajaan Negeri. Antara projek berkaitan yang sedang dan akan dibina termasuk:

- a) menaik taraf Jalan 2 Lorong kepada 4 Lorong dari Persimpangan Bachang ke Persimpangan Batu Berendam Laluan M2 Daerah Melaka Tengah;
- b) menaik taraf Persimpangan Balai Polis Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah;
- c) menaik taraf Jalan Laluan M126 dari Persimpangan IPK Bukit Beruang ke Persimpangan Batu Berendam, Daerah Melaka Tengah;
- d) menaik taraf dan pembesaran jalan di dua Persimpangan Bemban, Daerah Jasin Melaka; dan
- e) membina jalan pintas baharu dari persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya di Pekan Durian Tunggal.

Terminal Pelayaran Antarabangsa Melaka merupakan sebahagian daripada projek pembangunan Melaka Gateway. Projek ini dibangunkan oleh AJ Development Sdn Bhd. Fasa pertama pembangunan akan mempunyai dua dermaga dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2020. Pelabuhan ini terletak bersebelahan dengan daerah perniagaan pusat Melaka (CBD).

Di samping itu, projek pembesaran Pelabuhan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIP) dijangka memulakan pembinaannya menjelang suku pertama tahun 2020.

## 2020 OUTLOOK

*Melaka State Government will change the concept of home ownership from rental to hire purchase (Rent to Own) for existing projects such as Krubong PPR and Tehel PPR. The State Government is also planning to build 500 houses known as 'Rumah Berkat' for newly married couples to rent up to three years.*

*The rapid development of infrastructure in Melaka has attracted investors and foreigners aiming to serve Melaka a place for residence and their permanent businesses. This can be seen when there is a high demand from the property development and developers seeking to raise the quota of the foreign citizens exceeding the fixed rate of quota. The State Government also intends to impose a levy charge for additional quota applications for condominium/ apartment by 2%, business lot including commercial units and serviced apartment by 3% and hotel subjects to the State Government's decision. The increase of levy is estimated to decrease the demand among foreigners but will increase the local demand.*

*The issue of traffic dispersal in the state are still given major emphasis by the State Government. The current and future related projects include:*

- a) *upgrading works from two alleys to four alleys road from Bachang intersection to the Batu Berendam intersection in the M2 area of Melaka Central Line;*
- b) *upgrade the intersection of Bukit Rambai Police Centre in Melaka Central District;*
- c) *upgrade the M126 road from the IPK Bukit Beruang Junction to the Batu Berendam Junction Melaka Central District;*
- d) *upgrade and expand Bemban interchange in Jasin District; and*
- e) *to build a new shortcut road from the intersection of Jalan Alor Gajah Lama to Taman Murai Jaya in Pekan Durian Tunggal.*

*The Melaka International Cruise Terminal is part of the Melaka Gateway development project. The project was developed by AJ Development Sdn Bhd. The first phase of the development will have two berths and it is scheduled to be completed by the end of 2020. The port is located alongside the Melaka central business district (CBD).*

*In addition, the expansion of Kuala Linggi International Port (KLIP) project is expected to commence its construction by the first quarter of 2020. The second*

Fasa kedua pembangunan KLIP akan dilaksanakan oleh TAG Marine Sdn Bhd dengan anggaran kos RM12.5 bilion. Projek ini dijangka akan merancakkan lagi industri pelabuhan di negeri ini.

Dalam sektor pelancongan, Harbour City @ Pulau Melaka dijangka menjadi tarikan baharu pelancong kepada negeri ini. Pembangunan bercampur, bertema laut ini akan mengandungi OKI Splash, taman tema di tingkat atas berukuran sekitar 46,450 meter persegi. Projek itu dijangka dibuka kepada orang ramai pada separuh pertama 2020. Sehingga kini, projek tersebut masih dalam pembinaan dan belum selesai.


Pada masa ini kerajaan negeri juga telah mencapai fasa terakhir Projek Pembersihan dan Pemindahan Sungai Melaka bagi tujuan pelancongan dengan kos sebanyak RM344.9 juta yang dibiayai oleh Kerajaan persekutuan. Kos projek itu termasuk 3 pakej yang melibatkan jarak keseluruhan 5.2 kilometer.

*phase of the KLIP development would be undertaken by TAG Marine Sdn Bhd with an estimated cost of RM12.5 billion. This project is expected to boost the port industry in the state.*

*In tourism sector, Harbour City @ Pulau Melaka is set to be a new tourist attraction to the state. The mixed use, marine-themed development will consist OKI Splash, a sky-theme park measuring about 46,450 square metres. The project is currently under construction, it is expected to be completed and opened to public in the first half of 2020.*

*Currently the state Government also has reached the final phase of the Cleaning and Transfer Project of Melaka River for tourism purpose with the cost of RM344.9 million funded by the federal Government. The cost of the project includes 3 package which involving a total distance of 5.2 kilometers.*

# KEDAH





# KEDAH

## GAMBARAN KESELURUHAN

Prestasi pasaran harta tanah negeri ini bertambah baik pada 2019. Terdapat 29,957 transaksi bernilai RM5.33 bilion, menunjukkan peningkatan masing-masing 14.6% dan 13.2% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (26,135 transaksi bernilai RM4.71 bilion). Subsektor kediaman menguasai transaksi keseluruhan dengan 45.1%, diikuti oleh subsektor pertanian (42.2%), tanah pembangunan (8.5%), komersial (3.3%) dan industri (0.9%).

Selaras dengan pemulihan pasaran, semua subsektor berada pada trend menaik kecuali tanah pembangunan yang menurun 7.0%. Pertanian mendahului kenaikan dengan 22.0%, diikuti oleh subsektor kediaman (14.4%), industri (13.6%) dan komersial (0.3%). Begitu juga, trend yang sama dilihat dari segi nilai.


Chart 10.1

Volume of Property Transactions 2015 – 2019



Chart 10.3

Sub-sector Contribution to Volume 2015 – 2019



## OVERVIEW

The state's property market performance improved in 2019. There were 29,957 transactions worth RM5.33 billion, indicating an increase of 14.6% and 13.2% in volume and value respectively as compared to 2018 (26,135 transactions worth RM4.71 billion). Residential sub-sector dominated the overall transactions with 45.1%, followed by agriculture (42.2%), development land (8.5%), commercial (3.3%) and industrial (0.9%) sub-sectors.

In tandem with the market recovery, all sub-sectors were on upward trend except for development land which decreased by 7.0%. Agriculture led the increase by 22.0%, followed by residential (14.4%), industrial (13.6%) and commercial (0.3%) sub-sectors. Likewise, similar trend was seen in terms of value.

Chart 10.2

Value of Property Transactions 2015 – 2019





Chart 10.4

Sub-sector Contribution to Value 2015 – 2019



## PROMINENT SALE

Table 10.1

Summary of Prominent Sales Recorded in 2019

No.	Property	Location	Transaction Year
1.	Tabung Haji Hotel	Jalan Anak Bukit, Alor Setar	2019
2.	Billion Supermarket	Pekan Pulai, Baling	2018

Negeri ini juga merekodkan pindah milik pukal melibatkan 128 plot teres yang terletak di Jalan Jitra - Malau dalam tempoh kajian.

*The state also recorded bulk transfer involving 128 terraced plots located in Jalan Jitra – Malau in the review period.*

## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Prestasi subsektor kediaman mengukuh dengan 13,519 transaksi bernilai RM2.83 bilion. Aktiviti pasarannya menunjukkan peningkatan masing-masing 14.4% dan 19.9% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (11,818 transaksi bernilai RM2.36 bilion). Rumah teres membentuk sebahagian besar transaksi kediaman, mencakupi 41.4% (5,600 transaksi) daripada jumlah keseluruhan.

## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

*The residential sub-sector performance strengthened with 13,519 transactions worth RM2.83 billion. Its market activity indicated an increase of 14.4% and 19.9% in volume and value respectively in comparison with 2018 (11,818 transactions worth RM2.36 billion). Terraced houses formed the bulk of residential transactions, accounting for 41.4% (5,600 transactions) of the total.*

Chart 10.5

Volume of Residential Transactions 2015 – 2019





Chart 10.6

Value of Residential Property Transactions 2015 – 2019



### Pelancaran Baharu


Pasaran utama menyaksikan kurang pelancaran baharu dengan 929 unit. Walau bagaimanapun, prestasi jualan bertambah baik dengan 28.5%.

### New Launches

*The primary market saw less new launches with 929 units. Nevertheless, sales performance improved with 28.5%.*

Chart 10.7

Value of Residential Transactions 2015 – 2019



## Status Pasaran


Unit kediaman siap dibina tidak terjual dan dalam pembinaan belum terjual merekodkan prestasi yang lebih baik di mana bilangannya berkurangan dalam tempoh kajian.

## Market Status

The performance of residential overhang and unsold under construction units improved as the number eased in the review period.

Chart 10.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



## Aktiviti Pembinaan


100 Aktiviti pembinaan kurang aktif kecuali siap dibina. Sehingga akhir 2019, terdapat 337,251 unit kediaman sedia ada dengan 15,374 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 12,501 unit dalam penawaran yang dirancang.

## Construction Activity

The construction activities were less active except for completions. As at end-2019, there were 337,251 existing residential units with another 15,374 units in the incoming supply and 12,501 units in the planned supply.

Chart 10.9

Residential Construction Activity Trend 2015 – 2019



## Harga dan Sewa

Harga harta tanah kediaman berada pada mod stabil dengan beberapa pergerakan dicatatkan di beberapa lokasi. Harta tanah kediaman bertanah dan bertingkat tinggi di lokasi terpilih menikmati peningkatan nilai modal. Sehingga Q4 2019, Indeks Harga Semua Rumah untuk negeri ini berada pada 178.7 mata, naik 4.1% daripada 171.6 mata pada Q4 2018. Purata Harga Semua Harga Rumah untuk negeri ini pada Q4 2019 berjumlah RM232,268, meningkat daripada RM222,988 pada Q4 2018.

## Price and Rental

Prices of residential property were on a stable mode with some movements noted in several locations. Residential properties both landed and high-rise in selected locations enjoyed capital gains. As at Q4 2019, the All House Price Index for the state stood at 178.7 points, up by 4.1% from 171.6 points in Q4 2018. The average All House Price for the state as at Q4 2019 stood at RM232,268, increased from RM222,988 in Q4 2018.

Pasaran sewa kediaman adalah pada trend yang stabil dengan beberapa kenaikan minima dicatatkan di lokasi pilihan. Sewa rumah teres di lokasi strategik dilengkapi rangkaian perhubungan yang efisien menyaksikan peningkatan marginal.

*The residential rental market was on stable trend with several minimal increases noted in choice locations. Rental of terrace houses at strategic locations served with efficient connectivity saw a marginal increases.*

## HARTA TANAH KOMERSIAL

## COMMERCIAL PROPERTY

### Transaksi

### Transaction

Subsektor komersial menunjukkan sedikit peningkatan dalam tempoh kajian. Terdapat 989 transaksi bernilai RM601.24 juta direkodkan, masing-masing meningkat 0.3% dan 49.9% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (986 transaksi bernilai RM401.13 juta).


*The commercial sub-sector showed a slight improvement in the review period. There were 989 transactions worth RM601.24 million recorded, increased by 0.3% and 49.9% in volume and value respectively as compared to 2018 (986 transactions worth RM401.13 million).*

Chart 10.10

Chart 10.11

Volume of Commercial Property Transactions 2015 – 2019

Value of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



### Kedai

### Shop

### Transaksi

### Transaction

Walau bagaimanapun, prestasi subsektor kedai sederhana. Terdapat 875 transaksi bernilai RM375.71 juta pada 2019, mencakupi 88.5% daripada transaksi harta tanah komersial dan 62.5% daripada jumlah nilai. Aktiviti pasarannya masing-masing meningkat 8.7% dan 13.0% dalam bilangan dan nilai berbanding 2018 (805 transaksi bernilai RM332.49 juta).

*However, performance of shop sub-sector moderated. There were 875 transactions worth RM375.71 million in 2019, accounting for 88.5% of the commercial property transactions and 62.5% of the total value. Its market activity increased by 8.7% and 13.0% in volume and value respectively in comparison with 2018 (805 transactions worth RM332.49 million).*

### Status Pasaran


### Market Status

Situasi kedai siap dibina tidak terjual dan dalam pembinaan belum terjual menunjukkan prestasi lebih baik di mana bilangannya menurun dalam tempoh kajian.

*The shop overhang and unsold under construction situation showed better performance as the number decreased in the review period.*

Chart 10.12

Shop Market Status Trend 2015 – 2019



### Aktiviti Pembinaan

Subsektor ini menyaksikan pergerakan bercampur-campur dalam aktiviti pembinaan. Setakat akhir 2019, terdapat 31,398 unit kedai sedia ada dengan 1,004 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 1,117 unit dalam penawaran yang dirancang.


### Construction Activity

The sub-sector saw mixed movements in construction activity. As at end-2019, there were 31,398 existing shop units with another 1,004 units in the incoming supply and 1,117 units in the planned supply.

102

Chart 10.13

Shop Construction Activity Trend 2015 – 2019



### Riadah

Di subsektor riadah, negeri ini menyaksikan Hotel T siap dibina menawarkan 96 bilik ke dalam pasaran.

### Leisure

In the leisure sub-sector, the state witnessed the completion of T Hotel offering 96 rooms into the market.

### HARTA TANAH PERTANIAN

### AGRICULTURE PROPERTY

#### Transaksi


#### Transaction

Subsektor pertanian merupakan penyumbang kedua kepada transaksi hartanah keseluruhan. Terdapat 12,637 transaksi bernilai RM975.43 juta, mencakupi 42.2% daripada jumlah urus niaga hartanah. Aktiviti pasarnya menunjukkan peningkatan sebanyak 22.0% dalam jumlah dan 4.4% berbanding dengan 2018 (10,359 transaksi bernilai RM934.32). Mengikut jenis, tanah padi menguasai 46.7% daripada jumlah urusniaga pertanian negeri.

The agriculture sub-sector was second most contributor to overall property transactions. There were 12,637 transactions worth RM975.43 million, accounting for 42.2% of the total property transactions. Its market activity indicated an increase of 22.0% in volume and 4.4% in value in comparison with 2018 (10,359 transactions worth RM934.32). By type, paddy land dominated 46.7% of the state's total agriculture transactions.

Chart 10.14

Volume of Agriculture Transactions 2015 – 2019



### Harga

Harga harta tanah pertanian stabil secara keseluruhannya dengan kenaikan direkodkan di beberapa lokasi tertentu.

### PROSPEK 2020

Pasaran harta tanah negeri ini dijangka akan kekal positif, disokong oleh beberapa projek pembangunan dalam perancangan dan pembinaan oleh Kerajaan Negeri. Antara projek pembangunan tersebut adalah:

#### Projek Estet Padi


Ia terletak di Jelai melibatkan 143 hektar tanah padi. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan di kalangan petani kerana kos pengeluaran beras yang semakin meningkat serta menambah baik kecekapan pengurusan ladang di kalangan petani. Di samping itu, estet padi Jelai menghasilkan benih padi yang berkualiti tinggi. Di samping itu, Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) juga menyasarkan untuk meningkatkan estet padi untuk mencapai keluasan 20,000 hektar menjelang 2020.

#### Kedah Rubber City (KRC)

Projek yang terletak di Padang Terap ini memfokuskan kepada tujuh kelompok utama iaitu produk lateks canggih, tayar dan produk berkaitan tayar, produk kejuruteraan getah, bahan berasaskan getah dan getah lanjutan, komponen getah automotif, bioteknologi dan perkhidmatan. Projek ini bermula pada 2 Disember 2019 dan dijangka selesai pada 2 Disember 2021. Ia bermula dengan kerja infrastruktur untuk fasa pertama yang melibatkan 500 hektar tanah. Pelaksana projek ialah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Projek KRC dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi rakyat dengan menyediakan beribu peluang pekerjaan dan berpotensi menarik pelaburan bernilai RM10 juta.

Chart 10.15

Value of Agriculture Transactions 2015 – 2019



### Price

Prices of agriculture property were mainly stable with some increases recorded in certain locations.

### 2020 OUTLOOK

The state's property market is anticipated to be on a positive path, supported by several proposed and on-going development projects by the State Government. Among the development projects are:

#### Paddy Estate Project

It is located in Jelai involving 143 hectares of paddy land. This project aims to increase income among farmers due to the increasing cost of producing rice as well as improving the efficiency of farm management among farmers. In addition, Jelai paddy estate produces a high-quality paddy seed. In addition, Muda Agricultural Development Authority (MADA) is also aiming to increase paddy estates to reach 20,000 hectares by 2020.

#### Kedah Rubber City (KRC)

The project which is located in Padang Terap focuses on seven main industrial clusters namely advanced latex products, tire and tire related products, rubber engineering products, advanced rubber and rubber materials, automotive rubber components, biotechnology and services. The project commenced on December 2, 2019 and is expected to be completed by December 2, 2021. It commenced with infrastructure work for the first phase involving 500 hectares of land. Project implementer is Northern Corridor Implantation Authority (NCIA). The KRC project is expected to be a catalyst for the economic growth of the people by providing thousands job opportunities and potential to attract RM10 million worth investment.

**Hospital Pendang**

Hospital Pendang yang mempunyai 126 katil akan dibina di atas tanah seluas 17 hektar terletak di Mukim Ayer Puteh, Pendang. Hospital empat tingkat ini akan menyediakan perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar, perubatan dan penjagaan pembedahan serta dua bilik operasi. Projek ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada November 2021.

**Perpustakaan Digital Kedah**

Perpustakaan digital bernilai RM15 juta akan dibina di bandar Alor Setar menerusi Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Perpustakaan ini dijangka beroperasi penuh pada akhir 2020.

***Pendang Hospital***

*The 126-bed Pendang Hospital will be built on a 17-hectare piece of land located in Mukim Ayer Puteh, Pendang. The four-storey hospital will provide inpatient and outpatient services, medical and surgical care as well as two operating theatres. The project is still under construction and expected to be completed in November 2021.*

***Kedah Digital Library***

*The RM15 million digital library will be built in Alor Setar town through the Northern Corridor Implementation (NCIA). The library is expected its full operation in the end of 2020.*



# PAHANG



# PAHANG

## GAMBARAN KESELURUHAN

Pasaran harta tanah negeri menyaksikan sedikit pemulihan pada 2019 seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan aktiviti pasaran. Terdapat 18,306 transaksi bernilai RM5.54 bilion yang dicatatkan pada 2019, meningkat 3.9% dalam bilangan dan 9.1% dalam nilai berbanding 2018 (17,614 transaksi bernilai RM5.08 bilion). Subsektor kediaman terus mendorong pasaran keseluruhan, menyumbang 63.5% daripada bilangan pasaran harta tanah negeri. Ini diikuti oleh subsektor pertanian (23.8%), komersial (6.4%), tanah pembangunan (5.2%) dan industri (1.0%).

Prestasi semua subsektor bertambah baik kecuali pertanian (-11.2%) dan industri (-6.0%). Subsektor komersial meningkat 26.3%, diikuti oleh tanah pembangunan (15.5%) dan kediaman (8.2%). Dari segi nilai, semua subsektor mencatatkan pergerakan meningkat kecuali bagi subsektor pertanian dan tanah pembangunan.

## OVERVIEW

The state's property market saw a slight rebound in 2019 as indicated by the growth of market activity. There were 18,306 transactions worth RM5.54 billion recorded in 2019, increased by 3.9% in volume and 9.1% in value as compared to 2018 (17,614 transactions worth RM5.08 billion). Residential sub-sector continued to propel the overall market, accounting for 63.5% of the state's property market volume. This was followed by agriculture (23.8%), commercial (6.4%), development land (5.2%) and industrial sub-sectors (1.0%).

The performance of all sub-sectors improved except for agriculture (-11.2%) and industrial (-6.0%). Commercial sub-sector increased by 26.3%, followed by development land (15.5%) and residential (8.2%). In terms of value, all sub-sectors recorded uptrend movement except for agriculture and development land sub-sectors.

Chart 11.1

Volume of Property Transactions 2015 - 2019




Chart 11.2

Value of Property Transactions 2015 - 2019




Chart 11.3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2019





Chart 11.4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2019



## PROMINENT SALES

Table 11.1

Summary of Prominent Sales in 2019 :

No.	Property	Location	Transaction Year
1.	2,530-hectare estate land	Pekan	2018
2.	40.38-hectare estate land	Bentong	2018
3.	CIMB Building	Jalan Mahkota	2018
4.	854.20-hectare estate land	Rompin	2017

Tempoh kajian juga menyaksikan beberapa pembelian pukal. Antaranya ialah 258 plot teres kediaman di Bandar Rompin, 33 plot pertanian di Bukit Kajang, Raub dan 34 plots teres komersial di Bandar Temerloh.

*The review period also saw several bulk purchases. Among these were 258 residential terraced plots in Bandar Rompin, 33 agriculture plots in Bukit Kajang, Raub and 34 commercial terraced plots in Bandar Temerloh.*

## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Terdapat 11,627 transaksi bernilai RM2.62 bilion dicatatkan pada tempoh kajian, meningkat 8.2% dalam bilangan dan 6.2% dalam nilai. Transaksi rumah teres menguasai syer pasaran tertinggi, menyumbang 43.8% (5,095 unit) daripada transaksi harta kediaman iaitu teres setingkat (3,786 unit) dan teres dua tingkat (1,309 unit).


## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

*There were 11,627 transactions worth RM2.62 billion recorded in the review period, increased by 8.2% in volume and 6.2% in value. Terrace houses transactions dominated the highest market share, contributed 43.8% (5,095 units) of the residential property transactions attributed to single storey terraces (3,786 units) and double storey terraces (1,309 units).*

Chart 11.5

Volume of Residential Property Transactions 2015 - 2019




### Pelancaran Baharu

Pasaran utama merekodkan lebih banyak pelancaran baharu. Kebanyakan unit baru dilancar ini adalah teres setingkat, yang mendominasi 47.0% (3,029 unit).

Chart 11.6

Value of Residential Property Transactions 2015 - 2019




### New Launches

*The primary market recorded more numbers of new launches. Most of these new units were single storey terraces, dominating for 47.0% (3,029 units) of total.*

Chart 11.7

New Launches Trend 2015 – 2019



**Status Pasaran**


Unit kediaman siap dibina tidak terjual merekodkan prestasi bercampur-campur dalam tempoh kajian. Trend ditunjukkan dalam Carta 11.8.

**Market Status**

The residential overhang and unsold units recorded a mixed performance in the review period. The trend is shown in Chart 11.8.

Chart 11.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



108

**Aktiviti Pembinaan**


Aktiviti pembinaan subsektor kediaman berada pada mod perlahan kecuali siap dbina. Pada akhir 2019, terdapat 282,968 unit kediaman sedia ada dengan 19,173 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 36,640 unit dalam penawaran yang dirancang.

**Construction Activity**

The residential sub-sector's construction activity was on a low mode except for completion. As at end-2019, there were 282,968 existing residential units with another 19,173 units in the incoming supply and 36,640 units in the planned supply.

Chart 11.9

Residential Market Activity Trend 2015 – 2019



## Harga dan Sewa

Trend harga kediaman sebahagian besarnya stabil di seluruh negeri dengan pertumbuhan marginal 6.9% dan 8.2% dilihat bagi rumah teres dua tingkat di Alor Akar dan Bukit Sekilau di Bandar Kuantan, dipindahmilik antara RM300,000 dan RM560,000 seunit disebabkan keutamaan pasaran yang tinggi. Harga harta kediaman berstrata stabil dengan pertumbuhan marginal dicatatkan di beberapa kawasan tertentu. Pada Q4 2019, Indeks Harga Semua Rumah untuk negeri ini berada pada 176.6 mata, naik 1.1% daripada 174.7 mata pada Q4 2018. Purata Harga Semua Rumah bagi negeri pada Q4 2019 berada pada RM233,046, meningkat dari RM230,584 pada Q4 2018.

Pasaran sewa kediaman amnya stabil dengan pergerakan menaik dicatatkan di beberapa kawasan. Penyewaan baru dan lokasi yang strategik berdekatan pusat komersial yang dilengkapi dengan perhubungan yang cekap adalah antara faktor yang menyumbang kepada keuntungan sewa. Sewa untuk rumah teres dua tingkat di Daerah Kuantan amnya di antara RM500 dan RM1,300 sebulan, dengan sewa tertinggi dicatatkan di Promenade Villa.


## HARTA TANAH KOMERSIAL

### Transaksi

Prestasi subsektor komersial meningkat pada 2019. Terdapat 1,171 transaksi dengan jumlah nilai RM903.75 juta (2018: 927 transaksi bernilai RM566.53 juta). Ini menunjukkan peningkatan 26.3% dalam bilangan dan 59.5% dalam nilai berbanding tahun sebelum.

Chart 11.10

Volume of Commercial Property Transactions 2015 - 2019



## Price and Rental

The residential price trend was largely stable across the board with marginal growth of 6.9% and 8.2% observed for double storey terrace houses at Alor Akar and Bukit Sekilau in Kuantan Town, transacted between RM300,000 and RM560,000 per unit due to high market preference. Prices of stratified residential types were stable with marginal growth recorded in certain areas. As at Q4 2019, the All House Price Index for the state stood at 176.6 points, up by 1.1% from 174.7 points in Q4 2018. The average All House Price for the state as at Q4 2019 stood at RM233,046, increased from RM230,584 in Q4 2018.

The residential rental market was generally stable with upward movements recorded in several areas. New tenancy and strategic locations nearby commercial centres served with efficient connectivity were among the factors contributed to the rental gains. Rental for double storey terraced houses in Kuantan District generally ranged between RM500 to RM1,300 per month, with the highest rental recorded in Promenade Villa.


## COMMERCIAL PROPERTY

### Transaction

The performance of commercial sub-sector strengthened in 2019. There were 1,171 transactions with a total value of RM903.75 million (2018: 927 transactions worth RM566.53 million). This indicated an increase of 26.3% in volume and 59.5% in value as compared to previous year.

Chart 11.11

Value of Commercial Property Transactions 2015 - 2019



## Kedai

### Transaksi

Subsektor kedai mencatatkan 686 transaksi bernilai RM489.70 juta dalam tempoh kajian (2018: 660 transaksi bernilai RM437.41 juta). Bilangan dan nilai masing-masing meningkat 3.9% dan 12.0% berbanding 2018.

### Status Pasaran

Situasi kedai siap dibina tidak terjual kurang memberansangkan dalam tempoh kajian. Bagaimanapun, dalam pembinaan dan belum dibina belum terjual bertambah baik. Trend ini ditunjukkan di Carta 11.12.

## Shop

### Transaction


Shop sub-sector recorded 686 transactions worth RM489.70 million in the review period (2018: 660 transactions worth RM437.41 million). The volume and value increased by 3.9% and 12.0% respectively compared to 2018.

### Market Status

The shop overhang situation was less promising in the review period. However, unsold under construction and not constructed are improved. The trend is shown in Chart 11.12.

Chart 11.12

Shop Market Status Trend 2015 – 2019



110

### Aktiviti Pembinaan


Subsektor menyaksikan pergerakan bercampur-campur dalam aktiviti pembinaan. Sehingga akhir 2019, terdapat 25,029 unit kedai sedia ada dengan 1,635 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 3,221 unit dalam penawaran yang dirancang.

### Construction Activity

The sub-sector saw mixed movements in construction activity. As at end-2019, there were 25,029 existing shop units with another 1,635 units in the incoming supply and 3,221 units in the planned supply.

Chart 11.13

Shop Market Activity Trend 2015 – 2019



## Kompleks Perniagaan

### Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Subsektor niaga menunjukkan prestasi lebih baik dengan kadar penghunian keseluruhan 71.4% berbanding 67.0% pada 2018. Ambilan tahunan adalah positif pada 37,205 m.p. lebih rendah daripada 41,819 m.p. direkodkan tahun lepas.


## Shopping Complex

### Occupancy and Space Availability

The retail sub-sector showed a slightly better performance with an overall occupancy rate of 71.4% as compared to 67.0% in 2018. The annual take-up was positive at 37,205 s.m. lower than 41,819 s.m. recorded last year.

Chart 11.14

Supply and Occupancy of Shopping Complex



### Aktiviti Pembinaan

Subsektor niaga menyaksikan empat bangunan baru siap dibina yang menyuntik 22,956 m.p. ke dalam pasaran. Pada akhir 2019, terdapat 40 kompleks membeli-belah sedia ada (412,591 m.p.) dengan dua kompleks (35,005 m.p.) dalam penawaran akan datang dan empat lagi (102,923 m.p) dalam penawaran yang dirancang.

### Construction Activity

The retail sub-sector witnessed four new completions which injected 22,956 s.m., into the market. As at end-2019, there were 40 existing shopping complexes (412,591 s.m.) with two complexes (35,005 s.m.) in the incoming supply and another four (102,923 s.m.) in the planned supply.

Table 11.2

List of Completion for Shopping Complex

No.	Property	Location	Floor Area (s.m.)
1.	TMG Mall Bandar Indera Mahkota	Kuantan	4,974
2.	Cowboyz Supermarket	Kuantan	4,819
3.	TMG Mall Tanjung Lumpur	Kuantan	7,709
4.	Pasaraya Econsave	Maran	5,454

### Sewa

Sewa ruang niaga sebahagian besarnya stabil bagi kebanyakan kompleks membeli-belah dengan beberapa pengecualian. Selari dengan keadaan pasaran yang perlahan, Kuantan Parade merekodkan pergerakan menurun yang minima disebabkan oleh pembukaan kompleks membeli-belah baharu berdekatan.

### Rental

Rental of retail space were largely stable for most shopping complexes with few exceptions. In line with softening market, the Kuantan Parade recorded minimal downtrend rental movements due to the opening of new shopping complexes nearby.



## Pejabat Binaan Khas

### Transaksi

Transaksi Bangunan CIMB di Kuantan dicatatkan dalam tempoh kajian. Pindahmilik tersebut berlaku pada 2018 tetapi didaftarkan dalam tempoh kajian.

### Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Prestasi purata kadar penghunian pejabat binaan khas menurun kepada 90.1% pada 2019 berbanding 92.4% pada 2018. Sejajar itu, ambilan tahunan adalah negatif pada 9,339 m.p. (2018: 32,856 m.p.).

## Purpose-Built Office

### Transaction


The transaction of CIMB Building in Kuantan was recorded in the review period. The transaction was concluded in 2018 but registered in the review period.

### Occupancy and Space Availability

The average occupancy rate performance for purpose-built office softened to 90.1% in 2019 as compared to 92.4% in 2018. Correspondingly, the annual take-up was negative at 9,339 s.m. (2018: 32,856 s.m.).

Chart 11.15

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office



112

## Aktiviti Pembinaan

Pada akhir 2019, terdapat 154 pejabat binaan khas sedia ada (420,374 m.p.) dengan satu kompleks (36,375 m.p.) dalam penawaran akan datang dan satu lagi (4,911 m.p.) dalam penawaran yang dirancang.

### Sewa

Subsektor pejabat binaan khas mencatatkan trend sewa stabil dengan beberapa pergerakan ketara direkodkan pada bangunan terpilih. Bangunan Lembaga Tabung Haji di Daerah Pekan menunjukkan peningkatan 5.0% hingga 9.2% disebabkan oleh pembaharuan penyewaan dan semakan sewa.

### Riadah

Tempoh kajian menyaksikan tiga hotel baru siap dibina. Iaitu Swiss-Garden Hotel & Resort Genting Highlands, Geo Resort & Hotel dan chalet di Kampung Cherating yang menyuntik 893 bilik hotel ke dalam pasaran. Pada akhir 2019, terdapat 300 hotel (25,376 bilik) dalam penawaran ada dengan satu lagi hotel (70 bilik) dalam penawaran akan datang dan lima hotel (595 bilik) dalam penawaran yang dirancang.

## Construction Activity

As at end-2019, there were 154 existing purpose-built office (420,374 s.m.) with one complex (36,375 s.m.) in the incoming supply and another one (4,911 s.m.) in the planned supply.

### Rental

The purpose-built office sub-sector recorded a stable rental trend with some notable movements recorded in selected buildings. Lembaga Tabung Haji Building in Pekan District showed an increase of 5.0% to 9.2% due to tenancy renewals and rental revisions.

### Leisure

The review period witnessed three new completions. These are were Swiss-Garden Hotel & Resort Genting Highlands, Geo Resort & Hotel and chalet at Kampung Cherating which injected a combined 893 hotel rooms into the market. As at end-2019, there were 300 hotels (25,376 rooms) in the existing supply with another one hotel (70 rooms) in the incoming supply and five hotels (595 rooms) in the planned supply.


## HARTA TANAH PERTANIAN

### Transaksi

Terdapat 4,360 transaksi bernilai RM1.14 billion, masing-masing menunjukkan penurunan 11.2% dalam bilangan dan 4.0% dalam nilai (2018: 4,910 transaksi bernilai RM1.18 billion).

### Harga

Harga subsektor pertanian adalah stabil di seluruh



daerah. Tanah Durian di Sungai Ruan, Daerah Raub mencecah harga lebih tinggi di antara RM1,179,500 dan RM1,290,600 sehektar disebabkan permintaan yang tinggi.

### PROSPEK 2020

Pada 2020, Kerajaan Negeri mensasarkan kunjungan 15 juta pelancong domestik. Menara Teruntum akan menjadi tarikan baru dan tarikan pelancong ke Bandar Kuantan. Pembinaan Menara setinggi 180-meter itu menelan belanja kira-kira RM53.1 juta yang dibina oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), sedang dalam proses mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Ia dijangka memulakan operasi pada pertengahan 2020. Pembukaan Menara ini dijangka akan meningkatkan aktiviti ekonomi di sektor pelancongan, khususnya di Daerah Kuantan serta mempunyai kesan positif terhadap pembangunan harta tanah di kawasan sekitarnya.


Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS), yang pembinaannya telah bermula sejak 2016, dijangka siap menjelang akhir 2020. Ia merupakan pusat pentadbiran Pahang yang baharu dan lebih teratur. Pembinaan PPSAS dilihat sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar terutama di KOTASAS dan

## AGRICULTURE PROPERTY

### Transaction

There were 4,360 transactions worth RM1.14 billion, indicating a decline of 11.2% in volume and 4.0% in value respectively (2018: 4,910 transactions worth RM1.18 billion).

### Price



Prices of agriculture sub-sector were mainly stable across the districts. Durian land in Sungai Ruan, Raub District fetched higher prices transacted between RM1,179,500 and RM1,290,600 per hectare due to high demand.

### 2020 OUTLOOK

In 2020, the State Government is aiming to receive 15 million domestic tourists. The Teruntum Tower will be a new landmark and tourist attraction to Kuantan City. The construction of the 180-metre Tower cost about RM53.1 million built by the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), is in the process of obtaining a Certificate of Completion and Compliance (CCC). It is expected to start operations in mid-2020. The opening of the Tower is expected to boost economic activity in the tourism sector, particularly in the Kuantan District and have a positive impact on property development in the surrounding area.

The Sultan Ahmad Shah Administrative Center (PPSAS), which has begun construction in 2016, is expected to be completed by the end of 2020. It is a new and more organized Pahang administrative center. The construction of the PPSAS has been a catalyst for economic growth in the surrounding areas especially in

Bandar Indera Mahkota dan dijangka akan meningkatkan permintaan dan penawaran harta tanah di subsektor kediaman.

Di sector kediaman, PRIMA Pahang dan Rumah Makmur merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti untuk semua rakyat Pahang. Melalui Rumah Makmur, teres satu tingkat dijual pada harga RM80,000 manakala PRIMA Pahang menawarkan rumah berkembar berharga RM150,000 dan pangsapuri di Cameron Highlands dengan harga RM200,000. Pada 2020, Kerajaan Negeri mensasarkan 1,000 unit PRIMA Pahang siap manakala 2,000 unit daripada projek PRIMA Pahang dan Rumah Makmur akan ditawarkan kepada rakyat Pahang.

Pada 2020 akan diwujudkan dua sub-daerah baharu di Pahang iaitu Sub-Daerah Gebeng dan Sub-Daerah Genting. Pembentukan kedua-dua sub-daerah ini akan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan dan dijangka dapat memberikan kesan yang besar kepada pertumbuhan pusat bandar baru yang akan meningkatkan aktiviti pasaran harta tanah di kawasan ini.

114 Dengan kewujudan sub-daerah baharu, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang sedang berjalan akan membawa kesan limpahan ekonomi yang besar terhadap sektor harta tanah Pahang. Melalui projek ECRL, selain pembinaan sebuah stesen penumpang berhampiran Pelabuhan Kuantan iaitu Stesen Kuantan Port City 1, satu laluan keretapi kargo (spurline) ke dalam kawasan operasi Pelabuhan Kuantan akan turut dibina dalam fasa 2 projek tersebut. Apabila siap, laluan keretapi ini akan menghubungkan Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang yang bakal mewujudkan land bridge yang dijangka dapat meningkatkan mobiliti kargo di antara kedua-dua pelabuhan. Projek yang melibatkan laluan yang menghubungkan lima (5) buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2026.

Di bahagian industri, Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) akan terus menjadi taman industri utama di Negeri Pahang. Pelabur utama ialah Alliance Steel Sdn. Bhd. (ASSB) yang telahpun menjalankan pengeluaran percubaan dengan kapasiti pengeluaran produk besi keluli antara 25% hingga 50%. Kilang ASSB ini dijangka memulakan pengeluaran sepenuhnya pada 2020 dengan kapasiti 3.5 juta tan setahun. Ianya dijangka akan membantu merencanakan pembangunan dan penggunaan Pelabuhan Kuantan.

*KOTASAS and Bandar Indera Mahkota and is expected to boost demand and supply of property market in the residential sub-sector.*

*On the residential sector, the PRIMA Pahang and Rumah Makmur are an initiative of the State Government in providing affordable and quality houses for the people throughout the State of Pahang. Through the Rumah Makmur, single storey terraces are sold at RM80,000 while the PRIMA Pahang offers semi-detached houses at RM150,000 and apartments in Cameron Highlands at RM200,000. In 2020, the State Government is aiming for 1,000 units of the PRIMA Pahang to be completed while 2,000 units from PRIMA Pahang and Rumah Makmur projects will be offers to the Pahang people.*

*In 2020 will see two new sub-districts will establish in Pahang namely Gebeng Sub-District and Genting Sub-District. The establishment of these sub-districts will improve the government's delivery system and is expected to have a significant impact on the growth of the new town centre which will increase property market activity in the area.*

*With the establishment of new sub-districts, the ongoing East Coast Rail Link (ECRL) project, will bring a huge economic spill to the Pahang property market. Through the ECRL project, in addition to the construction of a passenger station near Kuantan Port namely Kuantan Port City 1, a spurline railway into the Kuantan Port operating area will also be built in phase 2 of the project. When completed, the rail link will connect Kuantan Port to Port Klang which will create a land bridge that is expected to increase cargo mobility between the two ports. The project involving a route linking five states namely Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu and Kelantan are expected to be completed by December 2026.*

*On the industrial side, the Kuantan Malaysia-China Industrial Park (MCKIP) will continue to be the leading industrial park in the state of Pahang. The main investor is Alliance Steel Sdn Bhd (ASSB) has already carried out experimental production with a production capacity of steel products ranging from 25% to 50%. The ASSB factory is expected to start production in 2020 with a capacity of 3.5 million tonnes a year. It is expected to help accelerate the development and use of Kuantan Port.*

Selain itu, Pahang juga bakal menerima kemasukan pelaburan dari China dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat dari negara berkenaan. Pelaburan adalah dalam pelbagai sektor iaitu pengeluaran kertas dan pulpa, penjanaan bersepadu tenaga dan haba, mewujudkan Eco Tourism City di Bukit Tinggi, Bentong, projek pengeluaran kertas dan habuk plastik, projek pembinaan turbin angin untuk menjana tenaga di Pulau Tioman dan pembinaan kilang pengeluaran panel solar untuk kediaman di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.

*In addition, Pahang will also receive investment from China with the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between the State Government and companies from the country. The investments are in various sectors including paper and pulp production, integrated energy and heat generation, the development of Eco Tourism City in Bukit Tinggi, Bentong, plastic paper and dust production, wind turbine construction projects in Tioman Island and solar panel production plant for residential in Gebeng Industrial Area, Kuantan.*



# TERENGGANU



# TERENGGANU

## GAMBARAN KESELURUHAN





Pasaran harta tanah negeri menyaksikan sedikit pemulihan dalam tempoh kajian yang ditunjukkan oleh pertumbuhan dalam aktiviti pasaran. Terdapat 20,087 transaksi direkodkan, meningkat 10.1% (2018: 18,246 transaksi). Walau bagaimanapun, nilai transaksi sedikit berkurang iaitu 2.9% kepada RM2.59 bilion (2018: RM2.67 bilion). Subsektor kediaman terus menerajui syer pasaran, menyumbang 68.7% daripada bilangan pasaran harta tanah negeri. Ini diikuti oleh subsektor tanah pembangunan (14.9%), pertanian (14.3%), komersial (2.0%) dan industri (0.1%).

Aktiviti pasaran semua subsektor bertambah baik kecuali industri (-31.4%). Subsektor kediaman mendahului aliran menaik dengan 13.1% diikuti oleh komersial (9.8%), pertanian (6.4%) dan tanah pembangunan (1.5%). Dari segi nilai, semua subsektor menyaksikan pertumbuhan positif kecuali subsektor komersial.

## OVERVIEW

The state's property market saw a slight rebound in the review period indicated by the growth in the market activity. There were 20,087 transactions recorded, indicating an increase of 10.1% (2018: 18,246 transactions). Nevertheless, the value of transactions reduced slightly by 2.9% to RM2.59 billion (2018: RM2.67 billion). Residential sub-sector retained its lion market share, contributed 68.7% of the state's property market volume. This was followed by the development land (14.9%), agriculture (14.3%), commercial (2.0%) and industrial sub-sectors (0.1%).

Market activity all sub-sectors improved except for industrial (-31.4%). Residential sub-sector led the uptrend with 13.1% followed by commercial (9.8%), agriculture (6.4%) and development land (1.5%) sub-sectors. In terms of value, all sub-sectors witnessed positive growth except for commercial sub-sector.





## JUAL BELI UTAMA

Negeri menyaksikan pindahmilik bangunan pejabat binaan khas yang terletak di Kuala Terengganu pada 28 Oktober 2018.


## HARTA TANAH KEDIAMAN

### Transaksi

Terdapat 13,790 transaksi bernilai RM1.83 bilion dicatatkan pada tempoh kajian, meningkat 13.1% dalam bilangan dan 14.3% dalam nilai. Transaksi plot kosong menguasai 69.3% pindahmilik harta kediaman.

Chart 12.5

Volume of Residential Property Transactions 2015 – 2019




### Pelancaran Baharu

Pasaran utama merekodkan lebih banyak pelancaran baharu. Kebanyakan unit-unit ini adalah teres setingkat, mendominasi 63.2% (327 unit) daripada jumlah keseluruhan.

Chart 12.7

New Launches Trend 2015 – 2019



## PROMINENT SALES

The state witnessed the transfer of a purpose-built office building located in Kuala Terengganu on 28th October 2018.


## RESIDENTIAL PROPERTY

### Transaction

There were 13,790 transactions worth RM1.83 bilion recorded in the review period, increased by 13.1% in volume and 14.3% in value. Vacant plot transactions dominated 69.3% of the residential property transactions.

Chart 12.6

Value of Residential Property Transactions 2015 – 2019




### New Launches

The primary market recorded more numbers of new launches. Most of these units were single storey terraces, dominating for 63.2% (327 units) of total.

Chart 12.8

Residential Market Status Trend 2015 – 2019



### Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan kediaman menunjukkan pergerakan bercampur-campur dalam tempoh kajian. Mula dibina meningkat manakala siap dibina dan penawaran baru dirancang menyaksikan penurunan bilangan. Pada akhir 2019, terdapat 102,235 unit kediaman sedia ada dengan 17,707 unit lagi dalam penawaran akan datang dan 12,022 unit dalam penawaran yang dirancang.


### Construction Activity

The residential construction activity showed mixed movements in the review period. Start increased whereas completion and new planned supply witnessed decreasing in numbers. As at end-2019, there were 102,235 existing residential units with another 17,707 units in the incoming supply and 12,022 units in the planned supply.

120

Chart 12.9

Residential Market Activity Trend 2015 – 2019



### Harga dan Sewa

Harga harta tanah kediaman berada pada mod stabil dengan pergerakan positif dicatatkan di beberapa kawasan di Kuala Terengganu dan Dungun. Teres setingkat yang terletak di Kampung Balai Besar/ Gong Pasir di Dungun merekodkan peningkatan modal sehingga 15.0% berikutan permintaan yang tinggi dan penawaran terhad bagi jenis harta ini. Rumah berkembar setingkat di Kampung Bukit di Kuala Terengganu dan Kampung Seberang Pintasan di Dungun merekodkan peningkatan dua angka melebihi 14.0% berikutan permintaan yang tinggi, kesan dari projek Pintasan Kuala Terengganu dan pembinaan jambatan baru. Pada Q4 2019, Indeks Harga

### Price and Rental

Residential property prices were on a stable mode with positive movements noted in several areas in Kuala Terengganu and Dungun. Single storey low-cost terraces within Kampung Balai Besar/ Gong Pasir in Dungun recorded capital appreciation up to 15.0% due to high demand and limited supply for this type of property. Single storey demi-detach houses at Kampung Bukit in Kuala Terengganu and Kampung Seberang Pintasan in Dungun recorded double-digit increase of more than 14.0% due to high demand, impact from the Kuala Terengganu Bypass project and the construction of a new bridge. As at Q4 2019, the All House Price Index for

Semua Rumah untuk negeri ini berada pada 173.4 mata, naik 1.0% daripada 171.6 mata pada Q4 2018. Purata Harga Semua Rumah bagi negeri pada Q4 2019 berada pada RM273,232, meningkat dari RM270,382 pada Q4 2018.

Pasaran sewa kediaman umumnya stabil di kebanyakan kawasan dengan kenaikan minima dicatatkan di lokasi terpilih.


**HARTA TANAH KOMERSIAL**

**Transaksi**

Terdapat 402 transaksi direkodkan pada 2019 dengan jumlah nilai sebanyak RM218.28 juta, meningkat 9.8% dalam bilangan manakala nilai menunjukkan penurunan ketara sebanyak 60.2% (2018: 366 transaksi bernilai RM548.26 juta).

Chart 12.10

Volume of Commercial Property Transactions 2015 – 2019



**Kedai**

**Transaksi**

Subsektor kedai merekodkan 214 transaksi bernilai RM161.51 juta dalam tempoh kajian (2018: 217 transaksi bernilai RM137.32 juta). Bilangan menurun 1.4% manakala nilai meningkat 17.6% berbanding 2018.

**Status Pasaran**

Situasi kedai siap dibina tidak terjual, melegakan berdasarkan bilangan yang semakin berkurang dalam tempoh kajian. Trend ini ditunjukkan di Carta 12.12.

*the state stood at 173.4 points, up by 1.0% from 171.6 points in Q4 2018. The average All House Price for the state as at Q4 2019 stood at RM273,232, increase from RM270,382 in Q4 2018.*

*The residential rental market was generally stable in most areas with minimal increases noted in selected locations.*


**COMMERCIAL PROPERTY**

**Transaction**

